



DAERAH HULU SELANGOR
SEBAGAI HUB AUTOMOTIF



MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

MDHS

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

BULETIN
MASUKAH PERCUMA
BIL. 1#2021



**TUAN DR. MOHAMAD AZHAR
BIN MOHAMED ALI, S.M.S., A.I.S., P.J.K.
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
YANG BAHARU BERKUATKUASA 20 JULAI 2020**



Sila imbas untuk
versi digital



korporatmdhs@gmail.com



03-6064 1331



www.mdhs.gov.my



korporatmdhsofficial

*Sekapur sirih seulas pinang,
Dihidang untuk makan bersama,
Kata dititip pantun dikarang,
Sebagai pembuka manis bicara*



Sekapur SIREH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kehadiran ilahi kerana dengan izinya saya diberi kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata di dalam ruangan ini sempena terbitan buletin bilangan satu bagi tahun 2021 MDHS.

Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga kerja MDHS terutama sidang redaksi buletin atas komitmen dan dedikasi dalam kita perlu menjalankan segala aktiviti secara norma baharu kesan dari wabak Covid-19 sehingga berjaya menerbitkan buletin bilangan satu tahun 2021 ini. Semoga segala informasi yang disediakan di dalam buletin ini dapat meningkatkan pengetahuan dan memberi manfaat kepada umum.

Fokus utama saya sebagai Yang Dipertua MDHS yang ke-8 adalah dari segi pembangunan di daerah ini. Hulu Selangor adalah sebuah daerah yang besar. Dari keseluruhan peratusan guna tanah semasa, hanya 47 peratus sahaja yang baru digunakan dan selebihnya masih kawasan hutan.

Walau pun telah wujud bandar-bandar baharu seperti Bandar Sungai Buaya, Bukit Beruntung, Bukit Sentosa dan terbaharu adalah di Hulu Bernam, namun kawasan-kawasan ini masih perlu dimajukan dan dibangunkan.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu kesan dari wabak covid-19 ini, kebanyakan pemaju telah beralih ke daerah pinggir, MDHS perlu ambil kesempatan untuk menarik pelabur-pelabur untuk masuk ke Daerah Hulu Selangor dan membangunkan daerah ini.

Akhir kata, usaha berterusan harus dilakukan untuk memenuhi keperluan dan cabaran baharu pada masa hadapan secara kolaborasi pintar dengan pihak yang berkepentingan. Semoga semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan visi dan misi MDHS sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri.

*“Selangor Maju Bersama”
“Berkhidmat Untuk Negara”*

Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali, S.M.S., A.I.S., P.J.K.
Yang Dipertua
Majlis Daerah Hulu Selangor

SIDANG REDAKSI

BULETIN MDHS BIL. 1/2021

PENAUNG Tuan Dr. Mohd Azhar Bin Mohamed Ali, S.M.S., A.I.S., P.J.K.
Yang Dipertua

PENASIHAT Tuan Awaluddin Bin Zakaria, A.M.S
Setiausaha

KETUA PEENGARANG Puan Junainah Binti Abdullah
Ketua Bahagian Korporat

PENGARANG/JURUFOTO Encik Mohd Shahril Bin Hasanudin

DITERBITKAN OLEH Bahagian Korporat
Majlis Daerah Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan,
44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor,
Emel: korporatmdhs@gmail.com | 03 6064 133 samb. 121 & 252

	SEKAPUR SIREH DAN SIDANG REDAKSI	2
JULAI		
1.	KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE PERINGKAT MINI (MTE _x) 2020	5
2.	MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENGESAHAN DALAM JAWATAN & KENAIKAN PANGKAT KEPADA WARGA KERJA MDHS	5
3.	TAKLIMAT PENGURUSAN DAN LATIHAN AMALI PENGGUNAAN PERALATAN PENCEGAHAN DENGGI KEPADA BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB), PERBADANAN PENGURUSAN (MC) DAN EJEN PENGURUSAN DAERAH HULU SELANGOR	6
4.	LAWATAN MDHS KE KAWASAN-KAWASAN (<i>HOT SPORT</i>) DENGGI BANGUNAN BERTINGKAT	6
5.	MERAIKAN PEMENANG MINI KONVENSYEN TEAM EXCELLENT	7
6.	LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS) KE MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)	7
7.	MAJLIS TAHLIL & DOA SELAMAT UNTUK <i>FRONTLINERS</i> DAN <i>BACKLINERS</i> MDHS	8
8.	MESYUARAT JAWATANKUASA OSC BIL.10/2020 & BENGKEL SISTEM OSC 3.0 PLUS ONLINE	8
9.	MESYUARAT MENDENGAR BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL 2/2020	9
10.	PIHAK PERODUA MEMBERI SUMBANGAN <i>FACE PROTECTOR</i> KEPADA MDHS	9
11.	MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KDSK) MDHS	10
12.	MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019 DAN JASAMU DIKENANG 2020 MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	10
13.	MAJLIS PERASMIAN TEMPAT 3R MDHS CAWANGAN KUALA KUBU BHARU	11
14.	PERHIMPUNAN BULANAN & JASAMU DIKENANG MDHS	11
OGOS		
1.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS) MENYAMBUK KETIBAAN YANG DIPERTUA MDHS YANG KE-8	12
2.	OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS KEDAI RUNCIT OLEH MDHS	13
3.	KILANG SALAH GUNA LESEN DIKENAKAN TINDAKAN MDHS	13
4.	OPERASI PEMATUHAN STANDARD OPERASI PROSEDUR (SOP) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN DAN PEMERIKSAAN PREMIS KEDAI MAKAN	13
5.	GOTONG ROYONG PERDANA 5S MDHS	14
6.	OPERASI PEROBOHAN STRUKTUR TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH REZAB KERAJAAN DAN LUAR SEMPADAN JMB OLEH MDHS	14
7.	AUDIT ANUGERAH PENILAIAN PERKHIDMATAN CEMERLANG (APPC) 2020 MDHS	15
8.	BENGKEL SEMAKAN (<i>REVIEW</i>) SASARAN KERJA TAHUNAN MDHS 2020	15
9.	MAJLIS PENUTUP PROGRAM PENGHASILAN VIDEO SECARA PRO <i>SMARTPHONE</i>	16
10.	MESYUARAT AGUNG TRITAHUNAN KALI KE-3 ANULAE CAWANGAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR BAGI TAHUN 2020-2023.	16
11.	MAJLIS <i>HI-TEA</i> MDHS BERSAMA WAKIL RAKYAT	17
12.	BENGKEL JURUAUDIT KUALITI DALAMAN MS ISO MDHS BERSAMA SIRIM STS SDN BHD	17
13.	MAJLIS TAZKIRAH PERDANA MDHS	18
14.	KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MDHS	18
SEPTEMBER		
1.	LAWATAN TEKNIKAL KAWASAN PERANGINAN TANAH TINGGI BAGI RANCANGAN KAWASAN KHAS GENTING HIGHLAND KAWASAN HULU SELANGOR	19
2.	MESYUARAT EXIT CONFERENCE PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN MDHS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019	20
3.	PROGRAM PERASMIAN TAMAN UPCYCLE, KUALA KUBU BHARU	20
4.	MAJLIS PERASMIAN PROGRAM INISIATIF TRANSFORMASI DESA (<i>INTRADE</i>) DAERAH HULU SELANGOR & INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)	21
5.	MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENGENGARAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH HULU SELANGOR 2035 (PENGANTIAN)	21
6.	MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM INISIATIF TRANSFORMASI DESA (<i>INTRADE</i>) DAERAH HULU SELANGOR & INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)	22
7.	PROGRAM INTEGRITI "DADAH MUSUH NEGARA" MDHS	22
8.	<i>FLAG OFF</i> KAYUHAN PUNCAK ANAK SYURGA EDISI 100 TAHUN BUKIT FRASER	23
9.	PROGRAM KEMPEN DERMA DARAH, AHLI MAJLIS ZON 11 & 19 MDHS	23
10.	REGIONAL INNOVATION SHOWCASE ON TEAM EXCELLENCE (RISTEx) 2020	24
11.	PROGRAM MINUM PAGI TUAN YANG DIPERTUA MDHS BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN DAERAH HULU SELANGOR	24

12.	LAWATAN TEKNIKAL AHLI MAJLIS MDHS KE KAWASAN PERANGINAN TANAH TINGGI BAGI RANCANGAN KAWASAN KHAS GENTING HIGHLAND KAWASAN HULU SELANGOR	25
13.	KEJOHANAN GOLF MESRA MDHS TAHUN 2020	25
14.	KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN STRATA (<i>COMPREHENSIVE STRATA MANAGEMENT AND RESIDENTIAL TRAINING</i>) (C-SMART)	26
15.	PROGRAM LAWATAN DAN PERKONGSIAN ILMU BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ) MENGENAI PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PREMIS PELANCONGAN INAP DUSUN, MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR DI BAWAH PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN SELANGOR (P3S)	26
16.	LAWATAN TURUN PADANG TUAN YANG DIPERTUA KE JABATAN-JABATAN BERTEMU DENGAN WARGA KERJA MDHS	27
OKTOBER		
1.	PERASMIAN BENGKEL PENGENALAN DAN PEMAHAMAN KRITERIA BARU DAN PENGENALAN MANUAL 5S MDHS	27
2.	LAWATAN TURUN PADANG TUAN YANG DIPERTUA KE JABATAN-JABATAN BERTEMU DENGAN WARGA KERJA MDHS SIRI 2/2020	28
3.	MAJLIS ANGKAT SUMPAAH PEGAWAI LANTIKAN BAHARU DI MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)	28
4.	LAWATAN INSPEKTORAT PELAKSANAAN JARINGAN PENUNJUK PEMBANGUNAN MAMPAN BANDAR LUAR BANDAR MALAYSIA (MURNInets 2.0) TAHUN 2020	29
5.	REGIONAL INNOVATION SHOWCASE ON TEAM EXCELLENCE SHOWCASE (RISTEX) WILAYAH SELATAN	29
NOVEMBER		
1.	ANNUAL PRODUCTIVITY & INNOVATION CONFERENCE AND EXPOSITION (APIC) 2020.	30
2.	SEMINAR KESEDARAN KEPENTINGAN PENGURUSAN TENAGA KEPADA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR ANJURAN MALAYSIA GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CENTRE (MGTC)	30
3.	MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	31
4.	TANAH MILIK PERSENDIRIAN DIKENAKAN KOMPAUN MDHS	31
DISEMBER		
1.	PROGRAM HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA (HARA) 2020 MDHS	32
2.	MAJLIS PERASMIAN HARI SEMAKAN BUKU PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN MDHS	32
3.	TAHNAH KEPADA KUMPULAN THE UKV DARIPADA JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM MDHS YANG TELAH MEMENANGI TEMPAT KE-3 BAGI KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (PENAMBAHBAIKAN) DALAM MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR 2020	33
4.	MESYUARAT KOPERASI MDHS BERHAD	33
5.	LAWATAN KERJA MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA KE BUKIT FRASER DAN PERIGI TUJUH, SERENDAH	34
6.	PELANCARAN TABUNG ENDOWMEN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	35
7.	MAJLIS PENGHARGAAN AHLI MAJLIS MDHS SESI 2018-2020	36
8.	LAWATAN KERJA MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE HULU SELANGOR	36
9.	AUDIT PENSIJILAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S) MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	37
10.	PENYAMPAIAN SIJIL 5 BINTANG ANULAE SEMENANJUNG MALAYSIA	37
	KERATAN AKHBAR	38 - 39
	LAPORAN ADUAN	40 - 41

KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE PERINGKAT MINI (MTE_x) 2020



25 JUN 2020
DEWAN MESYUARAT MDHS

Konvensyen Team Excellence Peringkat Mini (MTE_x) 2020 telah diadakan secara talian pada 25 Jun 2020 bertempat di Dewan Mesyuarat MDHS. Kumpulan IT Crew daripada Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Korporat dengan Produk Kamera Solar Pintar 2.0. Kumpulan Project D daripada Jabatan Perbendaharaan dengan produk Sistem Bayaran Sewaan Secara Debit Langsung. Kedua-dua kumpulan telah memperoleh anugerah emas.

MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENGESAHAN DALAM JAWATAN & KENAIKAN PANGKAT KEPADA WARGA KERJA MDHS

01 JULAI 2020
DEWAN MESYUARAT MDHS

Seramai sembilan kakitangan menerima Surat Pengesahan Dalam Jawatan & Kenaikan Pangkat dalam Majlis Penyerahan Surat Pengesahan Dalam Jawatan & Kenaikan Pangkat kepada Kakitangan MDHS yang disampaikan oleh Yang Dipertua MDHS, Tuan Shukri bin Mohamad Hamin. "Saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka yang dinaikkan pangkat dan berharap mereka ini dapat meningkatkan lagi mutu kerja serta mengekalkan momentum kerja berpasukan dalam menyelesaikan sesuatu perkara," antara amanat yang disampaikan oleh Tuan Shukri bin Mohamad Hamin. Katanya lagi, "Jagalah nama baik MDHS serta lakukan amanah kerja yang diberikan dengan baik. Janganlah kerana nama Majlis Daerah kita bersikap sambil lewa dalam sesuatu perkara itu, sebaliknya kita harus menunjukkan kepada masyarakat walaupun hanya berstatus Majlis Daerah tetapi cara berkerja setaraf dengan Majlis Perbandaran". Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MDHS, Encik Mohd Norazif bin Mohd Tamsis.



TAKLIMAT PENGURUSAN DAN LATIHAN AMALI PENGUNAAN PERALATAN PENCEGAHAN DENGGI KEPADA BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB), PERBADANAN PENGURUSAN (MC) DAN EJEN PENGURUSAN DAERAH HULU SELANGOR

01 JULAI 2020
DEWAN MERDEKA, KKB

Taklimat diadakan sebagai inisiatif pihak Majlis dalam menangani isu denggi di daerah ini. 8 lokaliti wabak yang dikenalpasti, 3 daripadanya merupakan kawasan *hotspot* manakala 5 lagi adalah wabak terkawal. Terdapat beberapa pangsapuri yang mencatatkan jumlah jangkitan kes wabak denggi tertinggi di Hulu Selangor. Penularan wabak denggi ini secara berterusan dan berulang disebabkan oleh faktor lambakan sampah dan kawasan takungan air di kawasan harta bersama. Sehubungan itu, pihak Majlis telah membeli 5 mesin *Fogging* dan 5 mesin *Miest Blower* beserta peralatan-peralatan keperluan keselamatan peralatan pencegahan denggi bagi membantu JMB, MC dan Ejen Pengurusan Daerah Hulu Selangor menangani masalah wabak denggi yang berlarutan di kawasan strata. Peralatan-peralatan ini akan diberikan secara percuma kepada JMB/MC dan Ejen Pengurusan untuk digunakan bagi pelaksanaan aktiviti semburan pencegahan denggi di kawasan strata masing-masing. Walau bagaimanapun, wang cagaran akan dikenakan sebagai jaminan bagi mengelakkan kecurian dan kerosakan semasa dan selepas peralatan ini digunakan.

Taklimat dan latihan penggunaan alat disampaikan oleh Syarikat Agrofog Sdn. Bhd. yang merupakan pengeluar peralatan tersebut bagi memastikan mereka dapat mengendalikan peralatan yang diberikan dengan baik dan pelaksanaan aktiviti semburan pencegahan denggi dilakukan dengan lebih efektif.

Seramai 50 orang peserta yang hadir pada majlis tersebut yang terdiri daripada 25 JMB, MC dan Agen Pengurusan yang aktif di daerah ini. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria (Setiausaha MDHS) merangkap Timbalan Pesuruhjaya Bangunan 1. Turut hadir bersama Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Selangor, Dr. Siti Rohana Saad, Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan MDHS, Husna Hasan dan Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MDHS, Mohd Shahril Ramli.



MDHS MEMBUAT LAWATAN KE KAWASAN-KAWASAN (HOT SPOT) DENGGI BANGUNAN BERTINGKAT

02 JULAI 2020

Apartmen Teratai dan Apartment Anggerik, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung. Lawatan yang diketuai oleh Tuan Awaludin bin Zakaria, Setiausaha MDHS dengan dibantu oleh Pejabat Kesihatan Daerah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) serta JPSPPA MDHS bagi melihat kawasan-kawasan yang berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Hasil dari lawatan tersebut pihak MDHS telah mengarahkan JMB/MC yang menyelia kawasan apartmen agar bersikap tegas kepada penduduk supaya sama-sama menjaga kawasan persekitaran tempat tinggal mereka dan tidak membuat sebarang pembinaan yang boleh menyebabkan pembiakan nyamuk aedes. Ini kerana kawasan apartmen adalah penyumbang kes denggi tertinggi bagi daerah Hulu Selangor.



MERAIKAN PEMENANG MINI KONVENSYEN TEAM EXCELLENT

14 JULAI 2020
MDHS

Mini Konvensyen Team Excellent 2020 telah dianjurkan oleh Malaysia Produktiviti Nasional (MPC) dijalankan secara Maya pada 25 Jun 2020. Pihak tertinggi MDHS mengucapkan setinggi tinggi penghargaan kepada kedua-dua kumpulan kerana telah mempamerkan hasil projek yang baik demi memastikan kecekapan kerja dapat dipertingkatkan dan produktiviti MDHS lebih berdaya saing. Tahniah kepada Team IT Crew dari

Bahagian Teknologi Maklumat dan Team Project D dari Jabatan Perbendaharaan yang telah mewakili MDHS. Kedua-dua buah kumpulan ini telah berjaya memperoleh Anugerah Emas di peringkat Mini (MTex) 2020 Wilayah Tengah. Mereka akan bertanding di peringkat seterusnya iaitu Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah (RTex) 2020 pada masa terdekat.



BIL.	KUMPULAN	PRODUK
1	IT CREW	Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Korporat Kamera Solar Pintar 2.0
2	PROJECT D	Jabatan Perbendaharaan Sistem Bayaran Sewaan secara Debit Langsung

LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS) KE MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

15 JULAI 2020
DEWAN MESYUARAT UTAMA,
MDHS

Lawatan penandaarasan ini melibatkan seramai 5 orang daripada Unit Teknikal Jabatan Bangunan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang diketuai oleh Puan Siti Nor Rafidah binti Haji Ahmad Zubdi, Penolong Pegawai Senibina Kanan MPS. Sesi taklimat telah dipengerusikan oleh Encik Md. Rizal bin Mohd. Sofian@Abd. Karim, P.J.K., Pengarah Jabatan Bangunan MDHS. Tujuan lawatan penandaarasan ini adalah untuk mempelajari: Prosedur permohonan permit bangunan/struktur sementara dan dasar-dasar berkaitan permit seperti dasar permit bangunan/struktur sementara selain kilang di atas lot tanah yang bercanggah dengan syarat nyata tanah/zoning (Rancangan Tempatan) dan dasar pengenaan caj untuk permit pagar di atas tapak kosong bagi status tanah selain kediaman (melebihi 1 ekar), Sistem Pembaharuan Permit Bangunan Sementara, System Construction Infrastructure Permit Management (CIPM) yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Malaysia (SKMM).



MAJLIS TAHLIL & DOA SELAMAT UNTUK FRONTLINERS DAN BACKLINERS MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR



18 JULAI 2020
KEDIAMAN RASMI YDP

Bacaan tahlil diketuai oleh Ustaz Wan Mohd Noor bin Wan Ali, Pensyarah dari Darul Quran, KKB. Majlis ini dihadiri oleh kakitangan MDHS dan penghuni kuarter MDHS. Majlis ini diadakan untuk menghargai pengorbanan petugas-petugas frontliners dan backliners MDHS dalam memerangi wabak COVID-19.



MESYUARAT JAWATANKUASA OSC BIL. 10/2020 & BENGKEL SISTEM OSC 3.0 PLUS ONLINE

20 JULAI 2020
HOTEL DE PALMA,
SHAH ALAM

Sistem OSC 3.0 Plus Online yang diperkenalkan ini bagi menggantikan Sistem OSC Online terdahulu (versi 3.0); akan menjadi aplikasi utama bagi melaksanakan hal ehwal pemajuan oleh Bahagian Pusat Setempat (OSC) serta pelbagai agensi lain yang terlibat. Ia merupakan satu manifestasi yang berterusan dalam menambahbaik serta meningkatkan tahap kecekapan sistem penyampaian Kerajaan. Sistem ini telah disediakan KPKT dengan mengambil kira semua pandangan dan maklum balas daripada semua pihak berkaitan dalam urusan pemajuan dan pembinaan sejajar dengan saranan YAB Perdana Menteri supaya urusan mendapatkan permit pembinaan dikaji dan ditangani dengan segera. Sehubungan itu, bagi memastikan matlamat penyediaan Sistem OSC 3.0 Plus Online ini dicapai; MDHS sentiasa memberikan komitmen dan kerjasama sepenuhnya dengan mematuhi dan melaksanakan semua prosedur dan proses kerja berpandukan manual yang disediakan. Tanggungjawab untuk meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan juga turut melibatkan semua agensi teknikal serta pemain industri yang berkaitan. Oleh yang demikian, semua pihak perlulah komited dalam melaksanakan peranan masing-masing bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah cekap dan efisien.





MESYUARAT MENDENGAR BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGAL 2/2020

21 JULAI 2020
DEWAN MERDEKA, KKB

Mesyuarat ini diselenggarakan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MDHS. Terdapat 119 pegangan harta yang terlibat dengan bantahan dari Kawasan Hulu Yam, Prima Beruntung, Sungai Choh, Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Tujuan mesyuarat bantahan ini diadakan adalah untuk mendengar, meneliti dan menimbang segala bantahan yang dibuat oleh seseorang atau mana-mana pihak yang tidak berpuashati atas Notis Pindaan Senarai Nilai (Seksyen 144, Akta Kerajaan Tempatan 1976) yang dikenakan ke atas harta mereka. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria (Setiausaha MDHS).



PIHAK PERODUA MEMBERI SUMBANGAN FACE PROTECTOR KEPADA MDHS

23 JULAI 2020
MDHS

Sebanyak 3000 *Face Protector* sumbangan CSR Perodua dalam membantu golongan peniaga/ penjaja dalam kita memerangi wabak COVID-19. Bagi sumbangan ini pihak MDHS akan mengedarkan kepada semua peniaga/penjaja yang berdaftar dengan MDHS. *Face Protector* dan sumbangan telah diterima oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria (Setiausaha) bersama wakil dari Jabatan Pelesenan. Pihak MDHS mengucapkan terima kasih kepada pihak Perodua atas sumbangan ini kerana setiap peniaga perlu menjalani aktiviti perniagaan mereka dengan norma baharu.



MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSDK) MDHS

23 JULAI 2020
DEWAN MERDEKA, KKB

Mesyuarat Agung Tahunan kali yang ke-34 Kelab Sukan Dan Kebajikan Majlis Daerah Hulu Selangor (KSDK, MDHS) telah diadakan di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu, dihadiri seramai 85 ahli dan 15 Ahli Jawatankuasa KSDK. Mesyuarat telah dirasmikan oleh Tuan Shukri Bin Mohamad Hamin, Yang Dipertua MDHS merangkap Penaung KSDK, MDHS. Salah satu agenda mesyuarat agung kali ini iaitu pelantikan Jawatankuasa KSDK MDHS sesi 2020-2022.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019 DAN JASAMU DIKENANG 2020 MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

24 JULAI 2020
SETIA ECO TEMPLER,
RAWANG

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 dan Jasamu Dikenang 2020 Majlis Daerah Hulu Selangor telah dirasmikan oleh Tuan Shukri bin Mohamad Hamin (Yang Dipertua).

Tema

Lelaki - Bow Tie (Colourful) / Wanita - Elegant (Colourful)

Semua Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian MDHS diundang ke majlis tersebut.



MAJLIS PERASMIAN TEMPAT 3R MDHS CAWANGAN KKB

29 JULAI 2020
MDHS

Pusat 3R MDHS Kuala Kubu Bharu yang dilancarkan pada 29 Julai 2020 merupakan cetusan idea Tuan Shukri bin Mohamad Hamin, Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor. Pusat

3R ini bertujuan mendidik rakyat mengamalkan budaya pengasingan bahan serta menggalakkan sikap kitar semula di kalangan penduduk Kuala Kubu Bharu. Pusat 3R ini menerima 5 kategori barangan kitar semula iaitu plastik, kertas, logam, kaca dan e-waste. MDHS akan terus komited dalam usaha melestarikan kehidupan rakyat dan kesejahteraan alam sekitar seiring dengan Dasar Kitar Semula Selangor.



PERHIMPUNAN BULANAN & JASAMU DIKENANG MDHS

29 JULAI 2020
DEWAN SERBAGUNA & KOMPLEKS SUKAN, KKB

Majlis perhimpunan bulanan pada kali ini memberi makna kepada semua warga kerja MDHS kerana ini adalah perhimpunan yang terakhir bagi Tuan

Shukri bin Mohamad Hamin, Tuan Yang Dipertua MDHS yang bakal bertukar tempat perkhidmatan. Antara amanat beliau dan yang sering di ingatkan adalah sentiasa memberi perkhidmatan yang terbaik dan mengharumkan nama MDHS serta menjaga amanah yang telah diberikan dengan bekerja bersungguh-sungguh. Pada masa yang sama semua Jabatan/Bahagian dalam MDHS turut memberi hadiah kenangan sebagai menghargai Tuan Shukri bin Mohamad Hamin Tuan Yang Dipertua sepanjang beliau di MDHS.



MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS) MENYAMBUT KETIBAAN YANG DIPERTUA MDHS YANG KE-8

03 OGOS 2020
DEWAN MERDEKA, KKB

Ketibaan Yang Berbahagia Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali bertempat di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu pada 3 Ogos 2020 telah disambut dengan tabik hormat oleh Penguatkuasa MDHS dan diteruskan dengan Majlis Upacara Angkat Sumpah Jawatan Yang Dipertua dan Ahli Majlis MDHS yang baharu. Pelantikan Dr. Mohd Azhar adalah bagi menggantikan mantan YDP MDHS, Shukri Mohamad Hamin yang telah berpindah ke Pejabat Tanah dan Daerah Gombak sebagai Pegawai Daerah di sana.

Upacara angkat sumpah telah disaksikan oleh Yang Dimuliakan Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Awaluddin bin Zakaria, Timbalan YDP MDHS, Ahli-ahli Majlis, Pengarah-Pengarah dan Ketua Jabatan serta kakitangan MDHS. Dr. Mohd Azhar berkata, "Fokus utama yang akan diberikan adalah pembangunan di daerah ini. Hulu Selangor adalah sebuah daerah yang besar. Dari keseluruhan peratusan guna tanah semasa, hanya 47 peratus sahaja yang baru digunakan dan selebihnya masih kawasan hutan". Di dalam acara yang sama, MDHS turut menerima 2 orang Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang baharu dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Puan Lim Poh Kuan dan Puan Salmah binti Ali berkuatkuasa 1 Ogos 2020 sehingga 21 Disember 2022.

Kami warga MDHS mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Tuan YDP dan Ahli Majlis yang baharu. Semoga di bawah pentadbiran YDP yang baharu ini, MDHS akan lebih cemerlang dan mutu perkhidmatan dapat ditingkatkan dalam memberikan perkhidmatan berstatus perbandaran kepada awam.



OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS KEDAI RUNCIT OLEH MDHS

06 OGOS 2020



4 premis kedai runcit sekitar Jalan Anggerik 5A dan Jalan Seroja, Bukit Sentosa telah diperiksa oleh pihak MDHS dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) cawangan Bukit Sentosa. Antara jabatan dalaman yang terlibat dalam operasi ini adalah Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Bangunan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Di dalam operasi pada hari ini, sebuah premis kedai runcit di Jalan Anggerik dipercayai di "ali baba" oleh pemilik premis warga tempatan apabila anggota operasi mendapati seorang warga asing yang dikatakan pekerja kedai itu menjaga kedai tersebut dan pemilik premis tiada di premis semasa operasi dijalankan.

Selain itu, notis penutupan turut dikeluarkan selama 14 hari atas kesalahan gagal menjaga kebersihan premis di bawah Undang-undang Kecil (UKK) 43(1)(a) dan (b), Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDHS)2007. Tiada tindakan sitaan diambil pada operasi pada kali ini kerana semua premis yang diperiksa mempunyai lesen perniagaan tetapi pihak majlis telah mengeluarkan notis amaran dan kompaun kerana didapati melakukan kesalahan yang sama di bawah peruntukan Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu membina struktur tambahan atau ubah suai bangunan pada premis.



KILANG SALAH GUNA LESEN DIKENAKAN TINDAKAN

06 OGOS 2020

Seramai 51 anggota operasi yang terlibat di dalam operasi ini yang terdiri daripada kakitangan MDHS, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Semasa pemeriksaan dijalankan, anggota operasi mendapati kilang ini turut menjalankan aktiviti memproses/melebur aluminium berdasarkan material mentah dan peralatan-peralatan melebur logam. Anggota operasi turut menemui himpunan jongkong aluminium yang setiap satunya dianggarkan mempunyai berat lebih kurang 1 tan. Hasil semakan mendapati premis telah salah guna lesen perniagaan sedia ada daripada aktiviti kilang kayu kepada aktiviti melebur aluminium. Lesen yang dikeluarkan adalah untuk menjual/memberi perkhidmatan/membuat/memproses/menyimpan/memborong barang daripada kayu (termasuk kayu lapis). Premis juga beroperasi tanpa kebenaran pihak MDHS dan tidak mempunyai kelulusan *Environmental Impact Assessment (EIA)* daripada Jabatan Alam Sekitar untuk menjalankan aktiviti melebur aluminium dan pihak Majlis mengeluarkan notis penutupan premis di bawah Undang-undang Kecil 43(1) (a) dan (b), Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDHS) 2007 dan premis ini telah ditutup selama 14 hari atas kesalahan menjalankan peleburan logam aluminium tanpa kebenaran MDHS. Tindakan sitaan turut diambil di bawah Undang-undang Kecil 3 dan 8 Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDHS) 2007.

Selain itu, lesen perniagaan telah diambil untuk proses penggantungan lesen. Pintu utama kilang telah dirantai untuk menghalang sebarang aktiviti perniagaan dilakukan oleh pengusaha kilang di dalam premis berkenaan. Pihak Majlis akan melakukan pemantauan secara berkala dan premis hendaklah mengikut syarat-syarat pihak MDHS serta Jabatan Alam Sekitar (JAS).

OPERASI PEMATUHAN STANDARD OPERASI PROSEDUR (SOP) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN DAN PEMERIKSAAN PREMIS KEDAI MAKAN

07 OGOS 2020

Majlis Daerah Hulu Selangor dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Selangor dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) cawangan Bukit Sentosa menjalankan Operasi Pematuhan Standard Operasi Prosedur (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Pemeriksaan Premis Kedai Makan di kawasan Sekitar Bukit Sentosa pada 7 Ogos 2020. Modus operandi operasi adalah memastikan premis-premis di kawasan Hulu Selangor ini mengikut syarat-syarat perniagaan yang ditetapkan oleh pihak Majlis dari segi kebersihan, kesihatan dan keselamatan awam di samping menghapuskan masalah kacau ganggu halangan di tempat awam.

Sebanyak 7 premis kedai makan telah berjaya diperiksa dengan kesalahan meletakkan peralatan perniagaan di kaki lima premis tanpa permit. Pihak Majlis mengambil tindakan dengan menyita barang-barang yang berada di kaki lima premis tersebut di bawah Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan sebanyak 5 kompaun turut dikeluarkan atas kesalahan pekerja tidak mengambil suntikan Typhim VI dan kursus kendalian makanan serta tidak memakai pakaian perlindungan diri seperti apron, topi dan kasut. 2 premis telah diberi notis penutupan

premis selama 14 hari kerana didapati gagal menjaga kebersihan premis.

Awaluddin yang juga Setiausaha MDHS berkata, "Hasil pemantauan dan pemerhatian yang kita buat sebelum ini, kita dapati tiada penjarakan sosial berlaku dalam tempoh PKPP ini terutamanya di kedai-kedai makan yang beroperasi daripada awal pagi sehingga lewat malam." Tambah beliau "Kebanyakan premis-premis yang dibuka menggunakan kaki lima dan tidak mempunyai permit malah setengah daripadanya memang sudah dikenakan kompaun tetapi masih ingkar dan degil." "Kehadiran PKD juga turut memeriksa pematuhan premis dalam mengikut SOP perniagaan dalam tempoh PKPP dari segi pendaftaran masukannya pelanggan di kedai-kedai, pemakaian pelitup mulut dan penjarakan fizikal di tempat-tempat awam", katanya lagi.

Pihak Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam menjayakan operasi ini. Walaupun masih di dalam tempoh PKPP, MDHS akan sentiasa komited dalam memastikan para peniaga mematuhi syarat-syarat berniaga yang ditetapkan dan memastikan pematuhan SOP dilaksanakan selaras dengan arahan Kerajaan Negeri Selangor.



GOTONG ROYONG PERDANA 5S MDHS

07 OGOS 2020

Melibatkan semua Zon-Zon di MDHS melibatkan ruangan kerja dan kawasan angkat serta kawasan awam. Semua warga kerja memberikan komitmen terbaik dalam memastikan kawasan pejabat bersih, kemas dan kondusif.



OPERASI PEROBOHAN STRUKTUR TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH REZAB KERAJAAN DAN LUAR SEMPADAN JMB OLEH MDHS


10-14 OGOS 2020

Operasi dijalankan di kawasan daerah Hulu Selangor antaranya kawasan Pangsapuri Kenanga dan Pangsapuri Teratai, Taman Bunga Raya pada 10 hingga 14 Ogos 2020.

Keputusan tindakan perobohan diambil susulan Lawatan Tapak Operasi Khas Denggi oleh pihak MDHS bersama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) pada 2 Julai 2020 di kawasan strata yang kerap kali tersenarai sebagai lokaliti *hotspot* denggi di dalam Daerah Hulu Selangor. Struktur ini bukan sahaja menyebabkan wabak denggi malah menyebabkan kacau ganggu penduduk setempat dari segi masalah kebersihan, keselamatan dan bau terutama binaan reban ayam atau burung yang dibina di kawasan perumahan. Pihak Majlis telah mengeluarkan notis tempoh 14 hari untuk pemilik membuka struktur yang telah dibina di bawah kesalahan membina struktur di kawasan yang melibatkan rezab awam di bawah Seksyen 46 (1)(a) Akta Jalan, Parit & Bangunan (Akta 133) pada 2 Julai 2020 yang lalu.

Operasi perobohan di 2 lokasi ini diadakan secara berperingkat di mana Pangsapuri Kenanga diadakan terlebih dahulu memandangkan notis telah dikeluarkan awal. Sebanyak 43 struktur binaan premis makanan di Pangsapuri Kenanga dan 20 struktur haram di Pangsapuri Teratai yang terdiri daripada reban ayam dan burung, pondok serta garaj kereta yang dibina di atas tanah rezab telah dirobohkan menggunakan jentera *backhoe*, *excavator* dan lori bagi meroboh dan mengangkut sisa perobohan untuk dibuang di tapak pelupusan Bukit Beruntung.





AUDIT ANUGERAH PENILAIAN PERKHIDMATAN CEMERLANG (APPC) 2020 MDHS



12 OGOS 2020
MDHS

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah diaudit pada 12 Ogos 2020 (Rabu). Pasukan Juruaudit APPC seramai 12 orang diketuai oleh Encik Muhamad Shah bin Osmin. Audit penilaian dijalankan oleh Pasukan Inspektorat APPC Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2020 ke semua perkhidmatan kerajaan Negeri Selangor bermula pada 3 Ogos 2020 sehingga 23 September 2020.



BENGGEL SEMAKAN (REVIEW) SASARAN KERJA TAHUNAN MDHS 2020

13-15 OGOS 2020
FOREST CITY, JOHOR

Bengkel semakan SKT ini penting kerana dapat melihat semula pencapaian program-program serta projek yang telah dirancang bagi tahun 2020 boleh dilaksanakan atau tidak. Ini kerana Negara telah terkesan dengan wabak COVID-19 yang melanda pada bulan Mei dan semua perlu memulakan dengan kehidupan norma baharu. Hasil daripada bengkel juga terdapat berlakunya penjimatan dengan program-program yang tidak dapat dilaksanakan dan akan digantikan dengan program-program lain.



MAJLIS PENUTUP PROGRAM PENGHASILAN VIDEO SECARA PRO SMARTPHONE

16 OGOS 2020
DEWAN MESYUARAT MDHS

Program ini telah dianjurkan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor dengan kerjasama Pocket Production. Program ini bertujuan menarik minat usahawan muda untuk lebih berusaha memperkemaskan aktiviti perniagaan mereka dengan menyediakan promosi berbentuk video pendek yang berkualiti antara 15 saat atau 1 minit. Peserta didedahkan dengan teknik rakaman, konsep penceritaan dan teknik penyunting video dengan hanya menggunakan telefon pintar.

Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Shazrol bin Suhaimie, Pengurus Pocket Production dan seramai 20 peserta telah hadir untuk program tersebut. Majlis Perasmian Penutup dirasmikan oleh YBhg. Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali, Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor. Turut hadir Ahli-ahli Majlis serta Ketua Jabatan.

Diharap dengan program ini usahawan yang berada di Hulu Selangor ini akan berkeyakinan bagi memasarkan produk masing-masing dan meningkatkan ekonomi setempat di samping dapat menambah pendapatan individu yang sedia ada.



MESYUARAT AGUNG TRITAHUNAN KALI KE-3 ANULAE CAWANGAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR BAGI TAHUN 2020-2023

18 OGOS 2020
DEWAN MERDEKA, KKB

Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Azih bin Muda (Presiden Anulae Semenanjung Malaysia) bersama YBrs Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali (Yang Dipertua MDHS) serta Encik Mohd Yusof bin Saidina Abu Bakar (Pengerusi Anulae Cawangan Majlis Daerah Hulu Selangor sesi 2017-2020). Seramai 200 ahli telah hadir pada mesyuarat pada kali ini (daripada 385 ahli keseluruhan). Mesyuarat kali ini melibatkan pemilihan ahli jawatankuasa yang baharu bagi sesi 2020 hingga 2023. Tahniah diucapkan kepada mereka yang telah terpilih dalam pengundian.



MAJLIS HI-TEA MDHS BERSAMA WAKIL RAKYAT

19 OGOS 2020
AWANA RESORT, GENTING

Sesi ini merupakan forum bagi wakil-wakil rakyat yang terdiri daripada Ahli Parlimen dan ADUN menyampaikan isu-isu dan permasalahan rakyat. Sesi perbincangan ini juga menjadi saluran bagi MDHS menyampaikan maklumat serta perkembangan yang telah dilaksanakan oleh MDHS samada pembangunan fizikal mahupun pembangunan sosial. Perbincangan diketuai oleh Yang Dipertua, Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Hulu Selangor, YB Puan June Leow serta ADUN Kuala Kubu Bharu, YB Puan Lee Kee Hiong. Turut hadir, Ketua Whip dikalangan Ahli Majlis serta Pengarah dan Ketua Jabatan MDHS



BENGGEL JURUAUDIT KUALITI DALAMAN MS ISO MDHS BERSAMA SIRIM STS SDN BHD

24 OGOS 2020
PREMIERA HOTEL, KL

Bengkel ini dirasmikan oleh Yang Dipertua MDHS, Tuan Dr. Mohd Azhar Mohamed Ali. Bengkel melibatkan pasukan Juruaudit Kualiti Dalaman, Penyelaras MS ISO, Ketua Dokumentasi dan Pengurus Risiko MS ISO. Bengkel ini dikendalikan oleh Penceramah dari SIRIM STS Sdn. Bhd. yang telah memberi pendedahan berkaitan Standard MS ISO 9001:2015 dan 'Risk Based Audit'.



PERSOALAN??????

Kenapa anda berkerja???

MAJLIS TAZKIRAH PERDANA MDHS

21 OGOS 2020
DEWAN MERDEKA, KKB

Penceramah undangan iaitu Ustaz Fadzli bin Abd Aziz UNIC yang bertajuk Negara Rahmah Ummah Sejahtera. Majlis tazkirah ini dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan MDHS. Tazkirah ini diadakan sempena sambutan Maal Hijrah 1442H. Program ini diadakan juga bagi menyemarakkan semangat kerja semua kakitangan MDHS sempena tahun baru hijrah ini.



KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MDHS

21 OGOS 2020
DEWAN MERDEKA, KKB

Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 2020 peringkat Majlis Daerah Hulu Selangor telah diadakan bersempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-63 di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu. Majlis dimulakan dengan ketibaan Yang Dipertua MDHS yang disambut dengan kawalan kuarter oleh anggota Penguatkuasa MDHS yang dianggotai oleh seramai 13 orang. Wakil pihak penguatkuasa turut membuat sesi penyerahan bendera kepada YDP MDHS sebagai simbolik pemasangan bendera di bangunan MDHS. Tuan Yang Dipertua turut menyempurnakan pemasangan bendera di kenderaan-kenderaan MDHS sebelum berarak disekitar Bandar Warisan Kuala Kubu Bharu sebagai simbolik mengajak rakyat Hulu Selangor ini mengibarkan Jalur Gemilang di premis-premis perniagaan dan kediaman masing-masing bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan 2020. Majlis turut dihadiri oleh Shaiful Rezza Hj. Pamin, Pengarah Jabatan Perbendaharaan, Mohd Norazif Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, barisan Pengarah-Pengarah dan Ketua Jabatan serta warga kerja MDHS.



LAWATAN TEKNIKAL KAWASAN PERANGINAN TANAH TINGGI BAGI RANCANGKAWASAN KHAS GENTING HIGHLAND KAWASAN HULU SELANGOR

01 SEPTEMBER 2020
GENTING HIGHLAND

Lawatan yang diketuai oleh Tuan Yang Dipertua MDHS, Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali serta Pengarah dan Ketua Jabatan MDHS. Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi kawasan Genting Highland melibatkan kawasan Hulu Selangor dengan keluasan 788 hektar. RKK merupakan satu pelan perancangan tindakan khusus dengan pengolahaan terperinci untuk memulihara dan menguruskan sesebuah kawasan. RKK juga berfungsi sebagai panduan terperinci bagi kawalan perancangan untuk kawasan yang telah dikhaskan selain merupakan kaedah penyelesaian kepada isu-isu utama.

Lawatan melibatkan kawasan Hulu Selangor iaitu Strawberi Farm dan Hotel Highland. Lawatan ini juga merupakan sebahagian daripada Program Publisiti Awal selaras dengan Seksyen 12A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 bersama pemegang taruh. Lawatan bermula dengan meninjau pembangunan di sekitar sempadan Selangor-Pahang yang mana terletaknya Strawberi Farm yang diusahakan oleh Encik Cassie Chong. Rombongan turut diberi taklimat mengenai pembangunan Genting Highland oleh Encik Izwan Loke, Timbalan Presiden Pembangunan dan Kejuruteraan Genting Malaysia. Taklimat mengenai Penyediaan RKK Genting Highland disampaikan oleh Encik Mohamed Zamri Mohd Zain, Pengarah Pejabat Projek Zon Tengah, PLANMalaysia.



MESYUARAT EXIT CONFERENCE PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN MDHS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

07 SEPTEMBER 2020
DEWAN MESYUARAT UTAMA,
MDHS

Seramai 8 orang deligasi dari Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor dan Firma Audit Swasta yang diketuai oleh Tuan Haji Redzuan bin Haji Abdul Samad (Timbalan Pengarah Audit Negeri). Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria. Pengarah-pengarah Jabatan MDHS turut hadir bersama bagi mendengar sesi pembentangan dan penemuan pengauditan tersebut. Pengauditan telah dijalankan oleh tetuan Mohd Mizaruddin & Co. selaku firma audit swasta dengan menggunakan piawaian MPSAS sepenuhnya dan 5 ketidakakuratan piawaian berlaku dan dibaikan dibenarkan dilakukan untuk diaudit semula sebelum 10 September 2020. Ini sebagai penentu untuk mengekalkan sijil bersih penyata kewangan 2019.



PROGRAM PERASMIAN TAMAN UPCYCLE, KUALA KUBU BHARU

14 SEPTEMBER 2020
PUSAT KITAR SEMULA, KKB

Seramai 77 orang pelajar Diploma Pentadbiran Awam INTAN sesi 2020 ditempatkan selama seminggu di sini bagi Sub Modul Inisiatif Transformasi Desa (INTRADE) dan salah satu tugas mereka adalah membangunkan Taman Upcycle MDHS. Konsep Upcycle ini sangat penting kerana ia merupakan salah satu pendekatan dalam mengurangkan sampah yang dibuang ke tapak pelupusan, seterusnya mengurangkan pelepasan gas karbon ke udara kita. Pihak MDHS merakamkan ucapan terima kasih kepada kadet kumpulan 3 DPA INTAN 2020 yang telah berjaya menyiapkan Taman Upcycle MDHS dalam masa yang singkat. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali (Yang Dipertua MDHS) dengan kehadiran Tuan Awaluddin bin Zakaria (Timbalan YDP MDHS) bersama wakil Ahli Majlis, Ketua Jabatan MDHS serta tenaga pelajar INTAN.



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM INISIATIF TRANSFORMASI DESA (INTRADE) DAERAH HULU SELANGOR & INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

08 SEPTEMBER 2020
DEWAN SERBAGUNA, KKB

Program ini memberi pendedahan kepada peserta-peserta jurusan Pegawai Tadbir Dan Diplomatik (PTD) tentang pembangunan di Daerah Hulu Selangor cadangan daripada pihak SUK Negeri Selangor. Peserta telah berkampung di Daerah Hulu Selangor ini selama lapan hari dengan membahagikan beberapa kumpulan dengan aktiviti yang berbeza.

Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Haji Musa bin Haji Ranli (Tuan Pegawai Daerah, Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor) dan ucapan aluan pula dari Dr. Jamaluddin bin Mohd Ali (Ketua Kluster, Kluster Pembangunan Profesional & Etika INTAN). Sebelum itu para peserta telah didedahkan dengan taklimat dari Pn. Nor Uyuni Hamdi binti Ahmad@Ahmad Mahdi, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor yang membentangkan tentang sejarah-sejarah awal Daerah Hulu Selangor, manakala taklimat pembangunan Daerah pula telah disampaikan oleh En. Hazhman bin Haron, Penolong Pegawai Perancang MDHS.



MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENGANTARAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH HULU SELANGOR 2035 (PENGANTARAN)

15 SEPTEMBER 2020
DEWAN MESYUARAT, MDHS

Mesyuarat diadakan selaras dengan Seksyen 14, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] bagi mendengar bantahan dan cadangan yang diterima terhadap Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035 (Penggantiran) sepanjang Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf yang diadakan pada 28 Januari 2020 sehingga 27 Februari 2020.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru), Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) Dan Hal Ehwal Pengguna), TPr Md Nazri Bin Abdullah (Pegawai PLANMalaysia@Selangor Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor) bersama Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali (Yang Dipertua MDHS). Mesyuarat ini telah dihoskan oleh Jabatan Perancang Bandar MDHS.





MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM INISIATIF TRANFORMASI DESA (INTRADE) DAERAH HULU SELANGOR & INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

15 SEPTEMBER 2020
FRASER VALLEY, KKB

Perasmian Penutup Program Inisiatif Tranformasi Desa (Intrade) Daerah Hulu Selangor & Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) telah disempurnakan oleh Dr Fuad bin Abdul Hamid (Timbalan Setiausaha Kerajaan, (Pembangunan) Negeri Selangor). Sebelum itu mereka telah mendengar ulasan persembahan setiap kumpulan-kumpulan yang terdiri dari 4 kumpulan.

Turut hadir Tuan Haji Musa bin Haji Ranli (Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor), Dr. Jamaluddin bin Mohd Ali (Ketua Kluster, Kluster Pembangunan Profesional & Etika INTAN), Tuan Awaluddin bin Zakaria (Setiausaha MDHS) dan pegawai-pegawai dari pejabat SUK Negeri Selangor, MDHS, PTDHS, Perunding Latihan kanan, Perunding Latihan dan Subkluster Pembangunan Modal Insan INTAN. Program selama lapan hari ini cukup memberi sedikit sebanyak dalam pelaksanaan projek dan program yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat khususnya.



PROGRAM INTEGRITI "DADAH MUSUN NEGARA" MDHS

17 SEPTEMBER 2020
DEWAN MERDEKA, KKB

Program ini merupakan anjuran unit integriti bersama AKRAB MDHS, bagi memberi penerangan dan pendedahan mengenai kesan-kesan penyalahgunaan dadah serta sesi pertanyaan daripada warga kerja MDHS. Majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali (Yang Dipertua MDHS) dan sesi ceramah pula oleh Tuan Rosydan bin Haron (Timbalan Pengarah Pengurusan AADK Negeri Selangor) dengan kehadiran Tuan Mohd Ghazali bin Abdul Rahman (Ketua Pengarah AADK Daerah Hulu Selangor) serta barisan Pengarah/Ketua Bahagian MDHS dan warga kerja MDHS.



FLAG OFF KAYUHAN PUNCAK ANAK SYURGA EDISI 100 TAHUN BUKIT FRASER

19 SEPTEMBER 2020
SUNGAI CHILING, PERETAH

Program Kayuhan Puncak Anak Syurga Edisi 100 tahun Fraser Hill dalam Menyambut Ulang tahun Fraser ke 100 dengan program yang sangat Inklusif melibatkan anak2 OKU terlantar dan pelbagai diagnosis dari Kelab Bikeisable, sebuah Biro Sukan & Rekreasi di bawah Persatuan Malaysian Advocates For Cerebral Palsy. Konvoi anak OKU diketuai oleh Adik Dihan penghidap Cerebral Palsy terlantar yang juga pemegang Malaysia Book Of Records sebanyak dua kali menerusi penyertaan Sukan Lasak Duathlon di Bagan Serai pada Ogos 2018 dan Kembara Berbasikal Merentas Sempadan Thailand pada Januari 2020. Hari ini bakal mencatat sejarah baru sebagai peserta OKU yang akan menyertai cubaan pertama seumpamanya melalui kayuhan ke Fraser Hill. Program yang mendapat sokongan dari Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Tourism Pahang, Majlis Daerah Raub (MDR), Polis Diraja Malaysia (PDRM), agensi-agensi kerajaan Negeri Selangor dan Negeri Pahang serta Team Lady Bikers. Majlis pelepasan telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali, Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor bersama barisan Ahli Majlis MDHS, Pn. Nurul Huda Ahmad, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MDHS, Dr. Ghazali Yusri Abdul Rahman, Presiden Malaysian Advocates For Cerebral Palsy, En. Wira Sudepja Rabu, Pengarah Program Kayuhan Puncak Anak Syurga.



PROGRAM KEMPEN DERMA DARAH, AHLI MAJLIS ZON 11 & 19 MDHS

20 SEPTEMBER 2020
PASARAYA ECONSAVE,
BATANG KALI

Program ini adalah merupakan anjuran Ahli Majlis MDHS. Program Kempen Derma Darah ini dengan kerjasama Pusat Darah Negara yang bertujuan untuk menggalakan masyarakat setempat untuk menderma darah bagi menampung kekurangan darah di Pusat Darah Negara. Majlis turut dihadiri oleh Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali (YDP MDHS) bersama Murali a/l Samee dan Puan Tan Lai Zhen (Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor).





REGIONAL INNOVATION SHOWCASE ON TEAM EXCELLENCE (RISTEx) 2020

22 SEPTEMBER 2020
DEWAN MESYUARAT, MDHS

Regional Innovation Showcase on Team Excellence (RISTEx) 2020 telah diadakan secara dalam talian pada 22 September 2020 bertempat di Dewan Mesyuarat MDHS. Kumpulan IT Crew daripada Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Korporat dengan Produk Kamera Solar Pintar 2.0. Kumpulan Project D daripada Jabatan Perbendaharaan dengan produk Sistem Bayaran Sewaan Secara Debit Langsung. Kedua-dua kumpulan telah memperoleh anugerah emas seterusnya melayakkan diri ke peringkat Kebangsaan.

PROGRAM MINUM PAGI TUAN YANG DIPERTUA MDHS BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN DAERAH HULU SELANGOR

23 SEPTEMBER 2020
TAMAN TASIK MILENUM

Program ini diadakan sebagai medium untuk sesi suai kenal antara Tuan Yang Dipertua MDHS bersama Ketua-ketua Jabatan Daerah Hulu Selangor selain dapat membina hubungan kerjasama yang erat antara MDHS dan Jabatan Daerah dalam membangun dan memajukan daerah Hulu Selangor serta mengukuhkan hubungan dan kerjasama strategik antara Jabatan Daerah Hulu Selangor dan MDHS. Memberi peluang kepada Ketua Jabatan Daerah Hulu Selangor untuk beramah mesra bersama Yang Dipertua MDHS. Mewujudkan komunikasi 2 hala antara MDHS bersama Jabatan Daerah Hulu Selangor dan mengetahui isu-isu semasa yang berlaku di daerah ini.





LAWATAN TEKNIKAL AHLI MAJLIS MDHS KE KAWASAN PERANGINAN TANAH TINGGI BAGI RANCANGAN KAWASAN KHAS GENTING HIGHLAND KAWASAN HULU SELANGOR

24 SEPTEMBER 2020
GENTING HIGHLAND



Lawatan yang diketuai oleh Tuan Yang Dipertua MDHS, Tuan Dr. Azhar bin Mohamed Ali, barisan Ahli Majlis serta Pengarah dan Ketua Jabatan MDHS ini adalah mengenai Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi kawasan Genting Highland melibatkan kawasan Hulu Selangor dengan keluasan 788 hektar. RKK merupakan satu pelan perancangan tindakan khusus dengan pengolahan terperinci untuk memulihara dan menguruskan sesebuah kawasan. RKK juga berfungsi sebagai panduan terperinci bagi kawalan perancangan untuk kawasan yang telah dikhaskan selain merupakan kaedah penyelesaian kepada isu-isu utama. Lawatan ini juga merupakan sebahagian daripada Program Publisiti Awal selaras dengan Seksyen 12A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 bersama pemegang taruh. Rombongan turut diberi taklimat mengenai pembangunan Genting Highland oleh Encik Izwan Loke, Timbalan Presiden Pembangunan dan Kejuruteraan Genting Malaysia. Taklimat mengenai Penyediaan RKK Genting Highland disampaikan oleh Encik Mohamed Zamri Mohd Zain, Pengarah Pejabat Projek Zon Tengah, PLANMalaysia.

KEJOHANAN GOLF MESRA MDHS TAHUN 2020

26 SEPTEMBER 2020
BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT

Seramai 72 peserta berentap dalam Kejohanan Golf Mesra Majlis Daerah Hulu Selangor. Dr. Mohd Azhar Mohamed Ali merangkap Yang Dipertua MDHS berkata, "Kejohanan ini julung kali diadakan sebagai satu platform interaksi dua hala antara MDHS dengan pihak yang berkepentingan dalam suasana yang lebih santai. Di samping itu, ianya dapat mengukuhkan jalinan strategik antara agensi untuk jangka masa panjang." Menurutnya lagi, "Kejohanan pada kali ini juga mendapat penyertaan yang sangat menggalakkan apabila sebanyak 18 flight dapat dikumpulkan yang terdiri daripada lapisan bawahan hingga pengurusan tertinggi, agensi kerajaan mahupun agensi swasta". Sukan golf ini menguji kepada ketepatan seseorang pemain golf itu perlu membaca suasana dan membuat keputusan seterusnya yakin dengan keputusan yang dibuat. Keputusan ini adakalanya berisiko. Tetapi begitulah dalam hidup, mesti percaya kepada diri sendiri dan mesti berani ambil risiko, baru boleh berkata. 5 kategori hadiah dipertandingkan iaitu hadiah VIP, medal A, medal B, kakitangan dan novelty. Jumlah pemain setiap kumpulan dibahagikan kepada 4 orang dan kejohanan ini menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM2600 berbentuk baucar kepada pemenang dan setiap peserta turut dibekalkan t-shirt oleh penganjur.



KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN STRATA (COMPREHENSIVE STRATA MANAGEMENT AND RESIDENTIAL TRAINING) (C-SMART)

26 & 27 SEPTEMBER 2020
TAMU HOTEL & SUITE, KL

Bahagian Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Daerah Hulu Selangor telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Strata (*Comprehensive Strata Management And Residential Training*) (C-SMART) yang telah mendapat peruntukan daripada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor bertempat di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur yang berlangsung pada 26 September 2020 sehingga 27 September 2020. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Bangunan 1 merangkap Setiausaha Majlis Daerah Hulu Selangor, Tuan Awaluddin Bin Zakaria. Turut hadir, Penolong Pengarah Kanan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, Encik Nor Hanizan Bin Sahib dan Sr Husna Binti Hassan, Timbalan Pesuruhjaya Bangunan 2 Majlis Daerah Hulu Selangor. Seramai 50 peserta telah menyertai program tersebut yang terdiri daripada kalangan Ahli Jawatankuasa JMB/MC dan Ejen Pengurusan di Daerah Hulu Selangor. Bengkel yang diadakan ini merupakan inisiatif daripada Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar (STANDCO) melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) yang melibatkan semua Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbandanan Pengurusan (MC) di seluruh pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Selangor. Kursus yang diadakan ini memfokuskan kepada sistem pentadbiran dalam pengurusan JMB, MC dan Ejen Pengurusan ke arah yang lebih baik dan berdaya maju. Kursus ini juga memberi pendedahan dan pengetahuan dengan lebih jelas melalui perkongsian pengalaman antara peserta dan Pihak Berkuasa Tempatan.



PROGRAM LAWATAN DAN PERKONGSIAN ILMU BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ) MENGENAI PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PREMIS PELANCONGAN INAP DUSUN, MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR DI BAWAH PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN SELANGOR (P3S)

30 SEPTEMBER 2020
MDHS

MDHS menerima lawatan dari Majlis Perbandaran Ampang Jaya MPAJ bertujuan berkongsi ilmu dalam menyediakan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Premis Pelancongan Inap Dusun di bawah Program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S). Lawatan ini melibatkan 15 orang kakitangan MPAJ dari pelbagai Jabatan yang diketuai oleh Puan Hasliza Binti Kamarul Zaman, Pegawai Tadbir, Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap, Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Legasi turut dibawa ke Frase Valley, Ampang Pechah untuk jamuan makan tengahari bersama Tuan Yang Dipertua Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali dan Tuan Setiausaha Awaluddin bin Zakaria.



LAWATAN TURUN PADANG TUAN YANG DIPERTUA KE JABATAN-JABATAN BERTEMU DENGAN WARGA KERJA MDHS

30 SEPTEMBER 2020
MDHS

Tuan Yang Dipertua Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali meluangkan masa mendengar isu dan permasalahan kakitangan dengan membuat lawatan turun padang ke Jabatan/Bahagian di dalam bangunan MDHS. Tuan YDP juga turut menyampaikan amanat dan maklumat terkini hala tuju beliau untuk masa depan MDHS kepada warga kerja.



PERASMIAN BENGKEL PENGENALAN DAN PEMAHAMAN KRITERIA BARU DAN PENGENALAN MANUAL 5S MDHS

01 OKTOBER 2020
PREMIERA HOTEL, KL

Tuan Yang Dipertua, Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali sempat meluangkan masa hadir bagi Perasmian Bengkel Pengenalan Dan Pemahaman Kriteria Baru Dan Pengenalan Manual 5S MDHS. Beliau turut menyampaikan amanat kepada peserta yang terdiri di kalangan penyelaras jabatan dan juruaudit dalaman. Dalam ucapan beliau menyatakan komitmen pengurusan tertinggi memastikan pelaksanaan program kualiti seperti 5S ini di MDHS. Beliau turut berharap program ini dapat menerapkan budaya peningkatan produktiviti secara berterusan bagi menghasilkan kualiti perkhidmatan terbaik yang memenuhi kehendak pelanggan.





LAWATAN TURUN PADANG TUAN YANG DIPERTUA KE JABATAN-JABATAN BERTEMU DENGAN WARGA KERJA MDHS SIRI 2/2020

05 OKTOBER 2020
MDHS

Tuan Yang Dipertua, Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali meluangkan masa mendengar isu dan permasalahan kakitangan dengan membuat lawatan turun padang ke Jabatan/Bahagian di MDHS. Tuan YDP juga turut melihat suasana tempat bekerja dan penjawatan di Jabatan/Bahagian MDHS. Turut mengiringi Setiausaha, Tuan Awaluddin bin Zakaria bersama Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MDHS, Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis.



MAJLIS ANGKAT SUMPAH PEGAWAI LANTIKAN BAHARU DI MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

05 OKTOBER 2020
DEWAN MESYUARAT MDHS

Seramai tiga belas (13) orang kakitangan menerima surat pelantikan pelbagai jawatan yang bertaraf tetap dan kontrak yang telah disaksikan oleh Yang Dipertua MDHS, Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali serta Setiausaha MDHS, Tuan Awaluddin bin Zakaria. Tuan YDP turut mengucapkan tahniah kepada kakitangan yang menerima jawatan tersebut dan berharap kakitangan ini dapat meningkatkan lagi mutu kerja serta mengekalkan momentum kerja berpasukan dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Antara amanat Tuan YDP lagi, meminta kakitangan menjaga nama baik MDHS dan melaksanakan amanah yang diberikan dengan baik serta berintegriti. Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MDHS, Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis.



LAWATAN INSPEKTORAT PELAKSANAAN JARINGAN PENUNJUK PEMBANGUNAN MAMPAN BANDAR LUAR BANDAR MALAYSIA (MURNInets 2.0) TAHUN 2020



06 OKTOBER 2020
MDHS

PLANMalaysia melalui Pusat Operasi MURNINets Kebangsaan (POMK) telah menjalankan pemeriksaan terhadap kemasukan dan pengesahan data ke dalam Gerbang MURNINets 2.0. Lawatan telah dihadiri oleh 2 orang pegawai dari PLANMalaysia. Turut hadir Tuan Setiausaha En. Awalluddin bin Zakaria, Pengarah Perancang Bandar Puan Azlina serta Penyelaras setiap jabatan. Tujuan lawatan ini diadakan bertujuan untuk semakan data sokongan serta pengesahan bagi penilaian kemampuan bandar bagi tahun 2020.

REGIONAL INNOVATION SHOWCASE ON TEAM EXCELLENCE SHOWCASE (RISTEX) WILAYAH SELATAN

30 OKTOBER 2020
DEWAN MESYUARAT MDHS

MDHS menerusi kumpulan IT Crew dengan produk Kamera solar pintar 2.0 dan Projek D produk Sistem Sewaan secara Autodebit telah menyertai pertandingan ini yang telah diadakan secara dalam talian pada 22 September 2020. Pada Julai yang lalu, kumpulan yang sama telah menyertai Mini Konvensyen Team Excellent (MTEX) dan berjaya merangkul Anugerah Emas.

Konvensyen yang sepatutnya diadakan secara fizikal tidak dapat diadakan pada tahun ini berikutan penularan pandemik COVID-19, secara tidak langsung mengubah format pertandingan. Peserta dikehendaki menyediakan video penerangan berkaitan produk kepada penganjur seterusnya di sesi yang lain peserta diberikan penilaian oleh juri melalui sesi soal jawab secara atas talian. Kedua-dua kumpulan sekali lagi telah berjaya membawa pulang dua Anugerah Emas seterusnya melayakkan diri ke Annual Productivity and Innovation Conference & Exposition (APIC) yang akan diadakan pada 17 hingga 19 November 2020 nanti. Pemenang telah membawa pulang plak dan sijil penyertaan.

Oleh kerana pertandingan adalah secara maya, Malaysia Produktiviti Corporation (MPC) selaku pihak penganjur tidak dapat

menyampaikan hadiah kepada pemenang. Oleh yang demikian, majlis ringkas penyampaian anugerah bagi menghargai kemenangan kedua-dua kumpulan telah diadakan pada 30 Oktober 2020 di Dewan Mesyuarat, MDHS yang disampaikan oleh Yang Dipertua MDHS, Tuan Dr. Mohd Azhar Mohamed Ali dan menzahirkan harapan beliau agar setiap warga MDHS dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dengan menyelitikan elemen kreativiti dan inovasi dalam kerja seharian. Selain itu, penghasilan projek inovasi bukanlah sekadar pertandingan semata-mata, tetapi menjadi komitmen dan inisiatif bagi meningkatkan budaya kualiti di tempat kerja, menjimatkan kos, meningkatkan efisien dan memberi manfaat kepada organisasi. Produk-produk yang dipertandingkan menunjukkan komitmen yang tinggi pihak warga MDHS dalam meningkatkan tadbir urus yang cekap dan berinovasi. Tuan Dr. Mohd Azhar turut mengucapkan tahniah kepada pemenang yang mengharumkan nama MDHS dan kejayaan ini seharusnya menjadi motivasi kepada semua warga MDHS untuk terus meningkatkan lagi daya kreativiti dalam mencapai sebuah organisasi yang cemerlang dan seiring dengan arus pemodenan zaman kini.



ANNUAL PRODUCTIVITY & INNOVATION CONFERENCE AND EXPOSITION (APIC) 2020

20 NOVEMBER 2020
DEWAN MESYUARAT MDHS

Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020 telah diadakan secara atas talian pada 20 November 2020 bertempat di Dewan Mesyuarat MDHS. Kumpulan IT Crew daripada Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Korporat dengan Produk Kamera Solar Pintar 2.0. Kumpulan Project D daripada Jabatan Perbendaharaan dengan produk Sistem Bayaran Sewaan Secara Debit Langsung. Kedua-dua kumpulan memperoleh anugerah emas 5 bintang dan telah mengharumkan nama MDHS setaraf dengan PBT berstatus Perbandaran dan Bandaraya.



SEMINAR KESEDARAN KEPENTINGAN PENGURUSAN TENAGA KEPADA KAKITANGAN MDHS ANJURAN MALAYSIA GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CENTRE (MGTC)

24 NOVEMBER 2020

Seminar telah diadakan secara virtual yang disertai 50 kakitangan dan pegawai MDHS bertujuan untuk menjadikan MDHS sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan sistem pengurusan tenaga yang lestari dengan melaksanakan langkah yang tepat bagi mengurangkan penggunaan tenaga melalui budaya berhemah, penyelenggaraan secara berkesan serta penggunaan peralatan yang cekap tenaga.

Seminar telah disampaikan oleh Perunding Pengurusan Tenaga, Zaini Abdul Wahab. Turut bersama di dalam seminar tersebut, Yang Dipertua MDHS, Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali, Setiausaha MDHS, Tuan Awaluddin bin Zakaria dan Pengarah Sustainable Industry Malaysia Green Technology and Climate Change Centre, Puan Norhasliza Mohd Mokhtar.

MDHS telah mengorak langkah dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menjadikan Hulu Selangor ke arah Bandar Rendah Karbon pada Tahun 2035. Hasrat ini adalah selaras dengan komitmen MDHS di dalam *Sustainable Development Goal (SDG)*. Yang Dipertua MDHS berkata, "Cabaran Rendah Karbon 2030 merupakan platform terbaik di dalam memastikan setiap PBT melaksanakan program dan inisiatif dalam mengurangkan pelepasan karbon selaras dengan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) yang telah dibangunkan."

Sehingga kini, MDHS telah melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya Program Jom Timbang Barang Kitar Semula, Program Bebas Beg Plastik, Program Kebun Komuniti, Program Hulu



Selangor Hari Tanpa Kenderaan, Kempen Penjimatan Elektrik dan Air dan pelbagai lagi inisiatif.

Menurutnya lagi, "Melalui pelaksanaan Cabaran Rendah Karbon 2030, MDHS telah terpilih antara 4 PBT di Malaysia bagi Projek Perintis My Relamp yang telah dilaksanakan bermula pada Februari 2020."

"Projek ini merupakan projek perintis bagi pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) di peringkat PBT di seluruh negara melalui aktiviti penukaran lampu biasa kepada lampu cekap tenaga dalam usaha menyokong inisiatif bandar rendah karbon.

"Matlamat utamanya adalah untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon di seluruh negara selaras dengan komitmen kerajaan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030," katanya lagi.

MDHS akan sentiasa terus bekerjasama dengan MGTC dan diharapkan hasil dari kerjasama ini dapat merangsang kerjasama yang lain yang boleh membawa MDHS kepada satu tahap yang cemerlang seiring dengan kemajuan bandaraya-bandaraya yang terulung samada di dalam Malaysia dan juga di luar negara.



MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

30 NOVEMBER 2020
MDHS

Sebanyak 13 Skop Sistem Pengurusan Kualiti MDHS untuk pendaftaran pensijilan MS ISO 9001:2015, perkhidmatan perbandaran merangkumi 19 Jabatan/Bahagian. Pada awal pelaksanaan MS ISO di MDHS menggunakan khidmat pakar runding luar. Namun begitu, MDHS terus mendapatkan khidmat rundingan dari pihak SIRIM STS SDN. BHD. bermula tahun 2018 hingga kini bagi pensijilan MS ISO 9001:2015 di mana MDHS telah berjaya mengekalkan sijil MS ISO 9001:2015, tanpa sebarang ketaakuran. Audit yang berlangsung selama dua hari telah berjalan secara atas talian yang diketuai oleh Pn. Wan Shahima Mior Ahmed Shahimi dengan dibantu oleh En. Mahmud Rizal Othman dan En. Mohd Nasir Zainuddin.



TANAH MILIK PERSENDIRIAN DIKENAKAN KOMPAUN MDHS

06 NOVEMBER 2020

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menjalankan operasi bersepadu ke atas tanah milik persendirian yang didapati telah menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran Majlis di Mukim Batang Kali pada 6 November 2020 yang lalu. Semasa operasi dijalankan, premis didapati sedang menjalankan kerja-kerja tanah untuk membuat kolam ternakan ikan tilapia. Sebanyak 12 kolam besar dan 20 kolam kecil telah dibina di atas tanah yang berkeluasan seluas 15 hektar itu. Untuk makluman awam, sebarang kerja tanah yang hendak dijalankan perlulah mendapat kebenaran pihak Majlis melalui tindakan penyerahan dan perakuan pelan kerja tanah. Sekiranya gagal, tindakan kompaun maksima RM25,000.00 boleh dikenakan di bawah kesalahan menjalankan kerja tanah tanpa kebenaran kelulusan MDHS merujuk kepada Seksyen 70A(1), Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133).



PROGRAM HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA (HARA) 2020 MDHS

09 DISEMBER 2020

Program yang bertemakan "PBT Perangi Pemberi Rasuah" telah dirasmikan oleh YBhg. KPKPj Tuan Ab. Muneim bin Ibrahim, Ketua Seksyen Outreach Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM), Negeri Selangor.

Turut hadir ialah YBrs. PKPj Tuan Ramli bin Hassan, Ketua Cawangan Sosio Budaya dan Politik, Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Puan Norlida bt Nazeri, AJK YARM Negeri Selangor, Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali, Yang Dipertua MDHS, Pengarah-Pengarah Jabatan/Ketua-Ketua Bahagian MDHS.

Perutusan Khas oleh YBhg. Datuk Seri Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM Malaysia, dan Pengarah SPRM Negeri Selangor turut disampaikan melalui tayangan video. Sesi dialog turut dijalankan antara pihak SPRM dan barisan Pengurusan Tertinggi MDHS.

Sebagai simbolik, Tuan Yang Dipertua MDHS telah menandatangani AKUR JANJI WARGA MDHS, menerima pelitup muka berserta mengimbas kod QR berkaitan kaji selidik HARA 2020.



MAJLIS PERASMIAN HARI SEMAKAN BUKU PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN MDHS

14-16 DISEMBER 2020

Majlis telah disempurnakan oleh Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali (Yang Dipertua) bersama Tuan Awaluddin bin Zakaria (Timbalan Yang Dipertua) MDHS. HR Day berlangsung selama 3 hari mulai 14-16 Disember 2020 bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang setiap hari. Selain menyemak buku Perkhidmatan, kakitangan boleh mengemaskini data peribadi/keluarga dan maklumat isytiharaan harta.



Tahniah!

KUMPULAN THE UKV DARIPADA JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM MDHS TELAH MEMENANGI TEMPAT KE-3 BAGI KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (PENAMBAHBAIKAN) DALAM MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR 2020

16 DISEMBER 2020



Sesi penyampaian Trofi dan sijil telah diadakan pada 16 Disember 2020 bertempat di Foyer Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.



24 DISEMBER 2020

MESYUARAT KOPERASI MDHS BERHAD

Berikutan pandemic Covid-19 yang melanda negara dan penguatkuasaan PKP dan PKPB pada bulan Mac tahun ini, Tuan Pengerusi memanjatkan rasa terima kasih dan memohon maaf di atas kelewatan persidangan Mesyuarat Agong Koperasi pada kali ini. Mesyuarat pada kali ini disempurnakan secara maya dengan kerjasama ahli-ahli Lembaga Koperasi dan anggota Koperasi Kakitangan MDHS Berhad.

Pada tahun ini Koperasi Kakitangan MDHS Berhad telah berjaya mendapatkan lesen kewangan di Kementerian Kewangan bagi menambahkan lagi sumber kewangan koperasi yang selama ini banyak bergantung pada urusan kredit.

Akhir sekali, Tuan pengerusi turut menyeru pada semua anggota agar dapat turut bersama-sama dengan Ahli Lembaga Koperasi untuk menjana pendapatan koperasi. Sebarang cadangan dan usul boleh dikemukakan bagi menambahbaik pengurusan dan pentadbiran koperasi. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih pada wakil daripada pihak SKM Encik Hafiez Syafran bin Ahmad Sidi, Penolong Pengarah SKM Wilayah Hulu Selangor dan semua anggota yang dapat turut serta secara maya bagi bersama-sama menjayakan mesyuarat agong pada hari ini. Semoga dengan sokongan semua anggota, tadbir urus koperasi dapat diteruskan dengan jayanya.



LAWATAN KERJA MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA KE BUKIT FRASER DAN PERIGI TUJUH, SERENDAH

12 DISEMBER 2020

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menerima kunjungan Lawatan Kerja Menteri Pelancongan, Seni dan Kebudayaan, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri ke Hulu Selangor bagi meninjau potensi pembangunan aktiviti pelancongan di daerah Hulu Selangor pada 12 Disember 2020.

Lawatan kerja selama sehari itu telah melawat beberapa lokasi pelancongan yang berpotensi menjadi tumpuan orang ramai sekiranya hadir ke Hulu Selangor antaranya Rumah Seri Berkat, Bukit Fraser, Perigi Tujuh, Serendah, KKB Paragliding Park, Kawasan Tapak Jejak Warisan dan Street Art, Pekan Kuala Kubu Bharu.

Turut serta dalam lawatan, YB Tuan Hee Loy Sian, Exco Pelancongan Negeri Selangor, YB Puan June Leow Hsiad Hui, Ahli Parlimen Hulu Selangor dan Tuan Dr. Mohd Azhar Bin Mohamed Ali, Yang Dipertua MDHS.

Antara lokasi yang menjadi tumpuan utama dalam lawatan tersebut adalah Perigi Tujuh, Serendah. Menteri Pelancongan, Seni dan Kebudayaan, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata, lokasi tersebut merupakan antara 11 butiran di Daerah Hulu Selangor yang berada dalam senarai inventori Jabatan Warisan Negara itu mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) bagi tujuan penyelidikan sebelum diwartakan.

"Jika memenuhi kriteria, tapak ini boleh dicadangkan untuk diangkat statusnya menjadi warisan kebangsaan. Pewartaan ini boleh memberi nilai tambah kepada tarikan sektor pelancongan selain untuk memelihara dan melindungi khazanah warisan yang terdapat di tapak Perigi Tujuh itu," katanya dalam satu kenyataan.

Yang Dipertua MDHS, Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali berkata, sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di daerah ini, MDHS amat berbesar hati dengan kehadiran YB Menteri dan diharapkan dapat membantu pihak MDHS untuk memaju dan mengkomersialkan industri ekopelancongan yang unik di daerah ini. Secara tidak langsung dapat meningkatkan bilangan pelancong yang hadir. Menurutnya lagi, bukan sahaja terdapat banyak tapak warisan bersejarah malah Hulu Selangor juga menjadi tumpuan pengunjung untuk melakukan aktiviti sukan lasak seperti *hiking*, *water-rafting*, *cycling* dan *paragliding*. Elemen-elemen ini menjadikan daerah ini unik dan lain daripada tempat pelancongan yang lain.

Ribuan terima kasih kepada YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang telah mengadakan lawatan kerja ke daerah Hulu Selangor bersama Pengurusan Tertinggi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) serta Tourism Selangor.



PELANCARAN TABUNG ENDOWMEN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

21 DISEMBER 2020

Tabung Endowmen ini merupakan yang pertama kali diwujudkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara ini dan MDHS merupakan PBT pertama di Malaysia yang melengkapkan sepenuhnya peruntukan am kewangannya seperti terkandung di seksyen 39, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali, Yang Dipertua MDHS. Turut hadir bersama Yang Dimuliakan Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor dan Tuan Awaludin bin Zakaria, Setiausaha MDHS pada 21 Disember 2020 yang diadakan secara maya melalui media rasmi MDHS.

Pelancaran turut menampilkan penampilan istimewa, Dr. Haji Razali Othman, Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan selebriti terkenal Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, Pensyarah Kanan Kolej Islam Selangor (KUIS) yang merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Endowmen MDHS.

Istilah endowmen sangat popular di luar negara sebagai sebuah tabung kebajikan bagi mengumpul dana melalui sumbangan sukarela yang mana hasil atau pulangan yang dijana memberi manfaat kepada masyarakat sama seperti wakaf.

Perbezaan kedua-dua ini adalah pada pemegang amanahnya. Wakaf pemegang amanah adalah Majlis Agama Islam Negeri manakala endowmen pemegang amanah adalah Majlis Daerah Hulu Selangor sendiri.

Inisiatif ini diambil berlandaskan kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang menjadi agenda global apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengariskan sebanyak 17 matlamat yang perlu dicapai oleh semua negara menjelang 2030.

Sebagai langkah awal, MDHS menumpukan kepada 3 daripada 17 matlamat tersebut seperti berikut:

1. TIADA KEMISKINAN atau 'NO POVERTY'

Majlis berazam menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk di Daerah Hulu Selangor. Pada peringkat awal, program ini akan memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar miskin agar generasi ini tidak akan terus mewarisi kemiskinan keluarga mereka.

2. KELAPARAN SIFAR atau 'ZERO HUNGER'

Fokus utama bukan sahaja memberi tumpuan mengakhiri kelaparan yang berlaku malah meningkatkan keselamatan dan nutrisi makanan. Tumpuan akan diberikan kepada pelajar-pelajar di sebuah sekolah terpilih agar mereka bukan sahaja tidak lapar di sekolah malah akan dibekalkan makanan yang sihat dan selamat secara percuma supaya mampu membekalkan tenaga dan nutrisi kepada mereka untuk menjadi pelajar yang berkualiti.

3. PENDIDIKAN BERKUALITI atau 'QUALITY EDUCATION'

Endowmen ini juga untuk menggerakkan program khidmat sokongan dan bantuan bagi memastikan pendidikan berkualiti dapat dilaksanakan di daerah ini secara inklusif dan saksama di mana peluang pembelajaran dapat dinikmati oleh semua pelajar di daerah tercinta ini.

Dari matlamat yang disebutkan tadi dapat dilihat kumpulan sasaran ke atas program endowmen ini amat dititikberatkan kepada golongan pelajar. Hal ini kerana golongan ini merupakan bakal pemimpin dan pewaris kepada kelestarian pembangunan negara ini.



MAJLIS PENGHARGAAN AHLI MAJLIS MDHS SESI 2018-2020

09 DISEMBER 2020

MDHS merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan bakti dan komitmen yang telah diberikan oleh Ahli Majlis MDHS sesi 2018-2020 dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada semua penduduk di daerah ini.



LAWATAN KERJA MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE HULU SELANGOR

09 DISEMBER 2020



Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menerima kunjungan Lawatan Kerja Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Kamaruddin ke Hulu Selangor bagi meninjau tapak dan lokasi cadangan projek pembangunan yang dikemuka penduduk dan MDHS di daerah Hulu Selangor.

Di dalam pertemuan itu, MDHS telah membentangkan cadangan projek dan anggaran perbelanjaan bagi kos-kos pembinaan dan penyelenggaraan projek agar kerajaan persekutuan dapat memberikan peruntukan dalam membantu usaha MDHS memberikan infrastruktur dan kemudahan asas yang lengkap untuk kegunaan dan keperluan masyarakat Hulu Selangor.

Di dalam lawatan kerja tersebut, YB Menteri turut dibawa ke 5 lokasi cadangan permohonan projek iaitu :

BIL	PERKARA
1.	Naiktaraf Dataran Jenjarum, Bukit Sentosa
2.	Membina Dewan Terbuka untuk Pusat Komuniti Persatuan Penduduk Jalan Anggerik 3, Bukit Sentosa
3.	Membina Jejantas untuk pejalan kaki di Persiaran Seroja, Bukit Sentosa
4.	Naiktaraf Infrastruktur Mini Stadium Kuala Kubu Bharu
5.	Naiktaraf Street Art, Kuala Kubu Bharu

Ribuan terima kasih kepada YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah mengadakan lawatan kerja ke daerah Hulu Selangor.



AUDIT PENSIJILAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S) MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

29 DISEMBER 2020

Sesi audit telah berlangsung pada 29 Disember 2020 telah dijalankan secara atas talian disebabkan MDHS masih berada dalam PKPB akibat dari pandemik Covid-19.

Puan Junainah binti Abdullah selaku Ketua Penyelaras bersama Jawatankuasa Induk mewakili MDHS dan Auditor Encik Muhamad Suffian bin Ahmad dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).



PENYAMPAIAN SIJIL 5 BINTANG ANULAE SEMENANJUNG MALAYSIA

28 DISEMBER 2020

Bersempena Persidangan Perwakilan Tritahunan kali Ke-27 ANULAE Semenanjung Malaysia pada 28 Disember 2020 bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka. Majlis telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia secara virtual.

MDHS telah menerima Sijil 5 Bintang Anulae semenanjung malaysia dalam Penilaian Sistem Penarafan Bintang PBT oleh KPKT tahun 2019, keahlian teramai Ahli Anulae dan hubungan yang baik antara pihak pengurusan dengan kakitangan.

Sijil dan plak telah disampaikan oleh Ybhg Datuk Haji Aziz bin Muda, Presiden Anulae Semenanjung Malaysia kepada Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha MDHS. Disamping itu juga diadakan pelancaran buku Dari Ilusi, Inspirasi kepada Realiti - Membela Nasib Pekerja Golongan Bawahan hasil nukilan YBHG Presiden Anulae.



KERATAN AKHBAR

JULAI

Kedai runcit gagal patuh SOP diarah tutup 14 hari

01 SELANGOR • Kedai runcit gagal patuh SOP diarah tutup 14 hari

Sebuah kedai runcit di Hulu Selangor diarahkan untuk ditutup selama 14 hari kerana gagal mematuhi SOP. Pihak berkuasa mendapati kedai tersebut tidak mematuhi prosedur keselamatan yang ditetapkan.

PBT kenal pasti bangunan terbiar di Hulu Selangor

02 SELANGOR • Pihak berkuasa telah mengenal pasti beberapa bangunan terbiar di Hulu Selangor. Pihak berkuasa ini akan mengambil tindakan untuk memastikan keselamatan kawasan tersebut.

烏雪縣會再查5店 封2店“窮聞”聞訊逃

03 SELANGOR • Pihak berkuasa telah memeriksa lima kedai di Hulu Selangor. Dua kedai tersebut telah ditutup kerana melanggar SOP. Pihak berkuasa juga telah menangkap beberapa orang yang melanggar peraturan.

烏雪縣會再查5店 封2店“窮聞”聞訊逃

03 SELANGOR • Pihak berkuasa telah memeriksa lima kedai di Hulu Selangor. Dua kedai tersebut telah ditutup kerana melanggar SOP. Pihak berkuasa juga telah menangkap beberapa orang yang melanggar peraturan.

MDHS sita barang niaga di kaki lima tanpa permit

04 SELANGOR • Pihak berkuasa telah menyita barang-barang di kaki lima kerana tidak mempunyai lesen. Pihak berkuasa ini akan mengambil tindakan undang-undang terhadap penjual-penjual tersebut.

MDHS, wakil rakyat bincang pembangunan isu rakyat

05 SELANGOR • Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil rakyat untuk membincangkan pembangunan kawasan tersebut.

烏雪縣會嚴打非法店主 執照租給“窮聞”充公

06 SELANGOR • Pihak berkuasa telah mengambil tindakan tegas terhadap pemilik kedai-keai yang melanggar SOP. Lesen-lesen mereka telah dicabut dan akan diserahkan kepada pihak berkuasa.

蘇克里調任檳城 縣市議會4人事調動

07 SELANGOR • Menteri Besar, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, telah mengumumkan penempatan semula beberapa pegawai negeri. Salah seorang daripadanya ialah Datuk Seri S. Suresh Kumar yang dipindahkan ke negeri Kedah.

MDHS periksa premis perniagaan dikendalikan warga asing

08 SELANGOR • Pihak berkuasa telah memeriksa premis perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing. Pihak berkuasa ini akan memastikan bahawa semua premis tersebut mematuhi SOP.

MDHS sita barang niaga di kaki lima tanpa permit

04 SELANGOR • Pihak berkuasa telah menyita barang-barang di kaki lima kerana tidak mempunyai lesen. Pihak berkuasa ini akan mengambil tindakan undang-undang terhadap penjual-penjual tersebut.

MDHS periksa premis perniagaan dikendalikan warga asing

08 SELANGOR • Pihak berkuasa telah memeriksa premis perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing. Pihak berkuasa ini akan memastikan bahawa semua premis tersebut mematuhi SOP.

MDHS periksa premis perniagaan dikendalikan warga asing

08 SELANGOR • Pihak berkuasa telah memeriksa premis perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing. Pihak berkuasa ini akan memastikan bahawa semua premis tersebut mematuhi SOP.

YDP baharu azam majukan Hulu Selangor, tarik pelaburan

09 SELANGOR • YDP Baharu Hulu Selangor telah mengumumkan visi mereka untuk membangunkan kawasan tersebut dan menarik pelaburan asing. Mereka berjanji untuk meningkatkan taraf hidup rakyat setempat.

烏雪縣會新主席有雄心

10 SELANGOR • Ketua Bahagian Hulu Selangor telah mengumumkan visi mereka untuk membangunkan kawasan tersebut dan menarik pelaburan asing. Mereka berjanji untuk meningkatkan taraf hidup rakyat setempat.

MDHS sita barang niaga di kaki lima tanpa permit

04 SELANGOR • Pihak berkuasa telah menyita barang-barang di kaki lima kerana tidak mempunyai lesen. Pihak berkuasa ini akan mengambil tindakan undang-undang terhadap penjual-penjual tersebut.

MDHS sita barang niaga di kaki lima tanpa permit

04 SELANGOR • Pihak berkuasa telah menyita barang-barang di kaki lima kerana tidak mempunyai lesen. Pihak berkuasa ini akan mengambil tindakan undang-undang terhadap penjual-penjual tersebut.

MDHS sita barang niaga di kaki lima tanpa permit

04 SELANGOR • Pihak berkuasa telah menyita barang-barang di kaki lima kerana tidak mempunyai lesen. Pihak berkuasa ini akan mengambil tindakan undang-undang terhadap penjual-penjual tersebut.

MDHS sita barang niaga di kaki lima tanpa permit

04 SELANGOR • Pihak berkuasa telah menyita barang-barang di kaki lima kerana tidak mempunyai lesen. Pihak berkuasa ini akan mengambil tindakan undang-undang terhadap penjual-penjual tersebut.

MDHS sita barang niaga di kaki lima tanpa permit

04 SELANGOR • Pihak berkuasa telah menyita barang-barang di kaki lima kerana tidak mempunyai lesen. Pihak berkuasa ini akan mengambil tindakan undang-undang terhadap penjual-penjual tersebut.

OKU meriahkan Program Kayuhan Anak Syurga

11 SELANGOR • OKU telah meriahkan Program Kayuhan Anak Syurga. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan keselamatan di jalan raya.

非法廠業者將控上庭

12 SELANGOR • Pihak berkuasa telah mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik-pemilik kilang-kecil yang beroperasi secara haram. Mereka akan menghadapi tindakan undang-undang.

非法廠業者將控上庭

12 SELANGOR • Pihak berkuasa telah mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik-pemilik kilang-kecil yang beroperasi secara haram. Mereka akan menghadapi tindakan undang-undang.

非法廠業者將控上庭

12 SELANGOR • Pihak berkuasa telah mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik-pemilik kilang-kecil yang beroperasi secara haram. Mereka akan menghadapi tindakan undang-undang.

非法廠業者將控上庭

12 SELANGOR • Pihak berkuasa telah mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik-pemilik kilang-kecil yang beroperasi secara haram. Mereka akan menghadapi tindakan undang-undang.

Buruk baik aktiviti konvoi motosikal

13 SELANGOR • Pihak berkuasa telah mengambil tindakan undang-undang terhadap aktiviti konvoi motosikal yang melanggar peraturan. Mereka akan menghadapi tindakan undang-undang.

Buruk baik aktiviti konvoi motosikal

13 SELANGOR • Pihak berkuasa telah mengambil tindakan undang-undang terhadap aktiviti konvoi motosikal yang melanggar peraturan. Mereka akan menghadapi tindakan undang-undang.

SEPTEMBER

OGOS

SEPTEMBER

OGOS

阿兹哈：烏雪要升格為市 政府機構須合作解民困



(烏雪1日訊)新任烏雪區議會主席阿茲哈博士強調，要從縣晉升為市，各個地方政府機構必須合作，用心發展和解決民困。

早夜市巴利可開檔



烏雪區議會宣布，早夜市巴利可開檔，為市民提供便利，並增加地方經濟。

填補土團退出空缺 烏雪4新縣議員上任



烏雪區議會主席阿茲哈表示，四位新任縣議員將負責填補土團退出後的空缺，並繼續為區內居民服務。

腦癱患者挑戰極限 騎腳車跨州



一名腦癱患者在家人和朋友的鼓勵下，挑戰極限，騎腳踏車跨州，展現了驚人的毅力和勇氣。

杭江-SELANGORKIL #JajanganPutusasi #Malaysia

Kilang lebur aluminium beroperasi tanpa lesen

HULU SELANGOR - Bekalan elektrik sebuah kilang melebur aluminium di Jalan Stesen Rasa di sini dipotong kerana beroperasi tanpa lesen Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Penulis juga didapati tiada Kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA) dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi melakukan kerja-kerja melebur.

Bahagian Korporat MDHS dalam pengukuasaan di kilang berkenaan dijalankan MDHS dengan kerjasama polis bermula jam 9.30 malam pada Jumaat lalu.

"Ketika anggota penguasa tiba di kilang ini, premis seperti sedang beroperasi namun lampu ditutup. Angkut telah menghempuki premis untuk hadir ke lokasi," kata kenyataan itu di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, "MDHS akan melaksanakan pemantauan untuk memastikan setiap setap premis kilang beroperasi mengikut peraturan yang ditetapkan. Sekiranya kesahihan berulung tidak sita, kita akan mengambil tindakan tegas dalam masa terdekat sekiranya menentang peraturan yang ditetapkan."

MDHS anjur seminar urus tenaga. Seminar Keadanan Kepentingan Tenaga bagi mencapai misi bandar rendah karbon menjelang 2035.

Roboh papan iklan tidak sah



SHAH ALAM - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) akan merobohkan struktur papan iklan luar tangga lebuh raya membolehkan MK3738 hingga MK3993. Lebuhaya Utara Selatan dari kedua-dua arah.

Yang Dipertuanya Dr Mohd Azhar Mohamed Ali menjelaskan sebanyak 78 unit dari arah utara manakala 63 unit lagi dari arah selatan lebuhraya itu beroperasi.

"Pernak struktur gagal mengemulakan pemohonan kebenaran merancang dan plan bangunan kepada MDHS bagi mendapatkan kelulusan tapak dan permit struktur peribadi," katanya.

Justeru, Notis Arahan Perobohan Struktur Tanpa Kebenaran dikeluarkan dalam tempoh 30 hari mengikut Seksyen 27(1b) Akta Jalan Raya Dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Bagaimanapun, Mohd Azhar dalam kenyataan berkata blyah unit daripada 141 unit tersebut telah dirobohkan oleh pemiliknya dalam operasi pada 23 dan 24 November.

"Operasi perobohan struktur akan dijalankan selepas tamat tempoh notis," katanya sambil menggariskan struktur papan iklan luar di tanah milik individu turut tidak terlewat dari tindakan pengukuasaan.

破門檢舉 非法熔金廠



執法單位在保安員協助下，破門檢舉非法熔金廠，並逮捕多名涉案人員。

突檢雙珠球 塑膠回收廠



在雙珠球塑膠回收廠，執法單位進行突檢，確保該廠符合環保標準。

路太爛被改名 殘忍路



由於路面過於破爛，當地居民要求政府改名為「殘忍路」，以抗議政府的無能。

過濶系統差冒濃煙 助思2熔金廠被取締




與區議會合作，執法單位在保安員協助下，取締兩間冒濃煙的熔金廠。

突檢雙珠球 塑膠回收廠



在雙珠球塑膠回收廠，執法單位進行突檢，確保該廠符合環保標準。

路太爛被改名 殘忍路



由於路面過於破爛，當地居民要求政府改名為「殘忍路」，以抗議政府的無能。

非法廣告牌 烏雪縣會限1228前拆毀




MDHS 將發出通知，要求所有非法廣告牌在規定期限內拆除，否則將被強制拆除。

MDHS rangkui dua anugerah emas dalam RISTEX



HULU SELANGOR - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menerima dua anugerah emas dalam RISTEX 2020.

Perigi Tujuh akan diwarta sebagai Tapak Warisan Kebangsaan



HULU SELANGOR - Perigi Tujuh di Serendah antara 11 butiran yang tersenarai dalam inventori Jabatan Warisan Negara mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) bagi tujuan penyelidikan sebelum diwartakan.

Kilang tidak tepati piawai ditutup



SHAH ALAM - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menutup kilang melebur alumunium di Kampung Batu Rasa, Hulu Selangor pada 27 November lalu.

MDHS lancar Tabung Endowmen



Tabung Endowmen Majlis Daerah Hulu Selangor merupakan yang pertama kali diwujudkan PPT negara ini.

NOVEMBER

NOVEMBER

Perigi Tujuh akan diwarta sebagai Tapak Warisan Kebangsaan

HULU SELANGOR - Perigi Tujuh di Serendah antara 11 butiran yang tersenarai dalam inventori Jabatan Warisan Negara mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) bagi tujuan penyelidikan sebelum diwartakan.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan kerja ke daerah itu pada Sabtu lalu bagi meninjau potensi pembangunan aktiviti pelancongan di sana.

Antara lokasi yang dilawati termasuk Rumah Seri Berkat, Bukit Fraser, Perigi Tujuh, Serendah, Kuala Kubu Bharu Paragliding Park, kawasan Tapak Jejak Warisan dan Street Art di pekan Kuala Kubu Bharu.

berkata, MDHS berharap lawatan itu membantu pihak MDHS untuk mempromosikan industri ekopelancongan yang unik di daerah itu yang seterusnya dapat meningkatkan bilangan pelancong di sana.

“Pewartaan ini boleh memberi nilai tambah kepada tarikan pelancongan di kawasan ini,” katanya.

Hadir sama dalam lawatan ahli Parlimen Hulu Selangor, (MDHS), Dr Mohd Azhar Mohamed Ali.

MDHS lancar Tabung Endowmen. Tabung Endowmen Majlis Daerah Hulu Selangor merupakan yang pertama kali diwujudkan PPT negara ini.

MDHS berharap lawatan itu membantu pihak MDHS untuk mempromosikan industri ekopelancongan yang unik di daerah itu yang seterusnya dapat meningkatkan bilangan pelancong di sana.

MDHS akan merobohkan struktur papan iklan luar tangga lebuh raya membolehkan MK3738 hingga MK3993.

MDHS menerima dua anugerah emas dalam RISTEX 2020.

MDHS akan merobohkan struktur papan iklan luar tangga lebuh raya membolehkan MK3738 hingga MK3993.

MDHS menerima dua anugerah emas dalam RISTEX 2020.

LAPORAN ADUAN 2020




3168 JUMLAH ADUAN
BAGI TAHUN 2020

Peratus Penyelesaian

2963 / 3168

93.53
%


**TREND
PENERIMAAN
ADUAN
SISPAA
STARS**




PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT BULAN

BULAN	TERIMA	ADUAN		DALAM TINDAKAN		SELESAI		SELESAI DALAM TEMPOH 14 HARI	
		ADUAN	%	DALAM TINDAKAN	%	SELESAI	%	SELESAI	%
JANUARI	257	2997	9.55	0	0.00	297	100.00	218	73.40
FEBRUARI	216	257	8.26	0	0.00	257	100.00	207	80.54
MAC	98	108	3.47	0	0.00	108	100.00	50	46.30
APRIL	40	46	1.48	0	0.00	46	100.00	28	60.87
MEI	132	143	4.60	0	0.00	143	100.00	103	72.03
JUN	286	330	10.81	3	0.91	327	99.09	226	89.11
JULAI	283	316	10.16	0	0.00	316	100.00	249	78.80
OGOS	291	340	10.93	4	1.18	336	98.82	271	80.65
SEPTEMBER	293	336	10.80	5	1.49	331	98.51	283	85.50
OKTOBER	283	331	10.64	6	1.81	325	98.19	286	88.00
NOVEMBER	256	298	9.58	21	7.05	277	92.95	256	92.42
DISEMBER	267	308	9.90	153	49.66	155	50.32	149	96.13
JUMLAH	2702	3110	100.00	192	6.17	2918	93.53	2326	79.71

Perbandingan penerimaan aduan mengikut bulanan bagi tahun 2020



KATEGORI ADUAN TERTINGGI



KATEGORI ADUAN

BUTIRAN	*ADUAN		DALAM TINDAKAN		SELESAI	
	ADUAN	%	DALAM TINDAKAN	%	SELESAI	%
PENGURUSAN STADIUM/PUSAT AKUATIK	0	0.00	0	0.00	0	0.00
PUSAT KECANTIKAN DAN KESIHATAN	0	0.00	0	0.00	0	0.00
CYBERCAFE	0	0.00	0	0.00	0	0.00
HOTEL BAJET/HOMESTAY	0	0.00	0	0.00	0	0.00
ZOO	0	0.00	0	0.00	0	0.00
PANTAI	0	0.00	0	0.00	0	0.00
PONDOK/STESAN BAS/TEKSI	1	0.03	0	0.00	1	100.00
PUSAT HIBURAN	2	0.05	0	0.00	2	100.00
KUBUR	3	0.08	0	0.00	3	100.00
IKLAN	5	0.13	0	0.00	5	100.00
PERUMAHAN	6	0.16	0	0.00	6	100.00
PENGUATKUASAAN	10	0.27	0	0.00	10	100.00
KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN	13	0.35	0	0.00	13	100.00
PROJEK/TAPAK BINAAN	21	0.56	0	0.00	21	100.00
TADBIR URUS	22	0.59	0	0.00	22	100.00
BIL CUKAI TAKSIRAN	27	0.73	0	0.00	27	100.00
HARTA PBT	32	0.88	2	6.25	30	93.75
TAMAN PERMAINAN/TAMAN RIADAH/TAMAN TASIK/DATARAN	48	1.24	1	2.17	45	97.83
BENCANA ALAM	49	1.32	4	8.16	45	91.84
HALANGAN AWAM	65	1.75	4	6.15	61	93.85
LESEN PERNIAGAAN	81	2.18	12	14.81	69	85.19
PENCEMARAN	95	2.55	11	11.58	84	88.42
PENJAJA	113	3.04	3	2.65	110	97.35
TEMPAT LETAK KENDERAAN/PARKING	140	3.76	13	9.29	127	90.71
BANGUNAN	106	5.26	26	13.27	170	86.83
JALAN	224	6.02	6	2.68	218	97.32
LAMPU	281	7.55	6	2.14	275	97.86
KEJIRANAN	342	9.19	48	14.04	294	85.96
POKOK	583	15.88	52	8.92	531	91.08
HAIWAN/SERANGGA	612	16.44	42	6.86	570	93.14
PEMBERSIHAN AWAM	754	20.25	39	5.17	715	94.83
JUMLAH	3723	100.00	269	7.23	3454	92.77



IRS

PENERIMAAN ADUAN



BULAN	TERIMA	SELESAI	%	BELUM SELESAI	%
JANUARI	1	1	100.00	0	0.00
FEBRUARI	-	-	-	-	-
MAC	2	2	100.00	0	0.00
APRIL	-	-	-	-	-
MEI	2	2	100.00	0	0.00
JUN	6	6	100.00	0	0.00
JULAI	8	8	100.00	0	0.00
OGOS	9	9	100.00	0	0.00
SEPTEMBER	9	9	100.00	0	0.00
OKTOBER	6	6	100.00	0	0.00
NOVEMBER	7	0	0.00	7	100.00
DISEMBER	8	2	25.00	6	75.00
JUMLAH	58	45	77.59	13	22.41



Yam!

DI RUMAH DAN PEJABAT

amalkan gaya hidup rendah karbon

-  **Pilih peralatan** elektrik & mentol cekap tenaga
-  **Tutup peralatan** elektrik di punca elektrik
-  **Tutup lampu** sebelum tidur
-  **Gunakan bidai atau buka tingkap** untuk mengurangkan bahang, kurangkan penggunaan alat penyaman udara
-  **Tutup air** semasa memberus gigi, gunakan cawan
-  **Gunakan semula** air pembasuhan baju dari mesin pembasuh baju untuk mencuci lantai
-  **Gunakan kain** untuk membersih, elak gunakan kertas tisu
-  **Guna kertas kitar semula**
-  **Fikir** sebelum buang (guna & kitar semula)
-  **Jangan membazir makanan**, rancang sebelum memasak
-  **Jadikan sisa makanan sebagai kompos**



SISTEM PENGURUSAN ADUAN

#SmartSelangor

LANGKAH-LANGKAH MEMBUAT *MAKLUM BALAS MELALUI SISPA*

*(Aduan, Cadangan, Penghargaan, Permohonan dan Pertanyaan)

- 1 Buka browser dan masukkan URL <https://selangor.spab.gov.my/>
- 2 Tekan butang **MAKLUM BALAS BAHARU**.
- 3 Isi dan daftarkan aduan/ maklum balas mengikut ruangan yang disediakan. *Ruangan bertanda * wajib diisi untuk simpanan dan rekod.



- 4 Tekan butang **LAMPIRAN** untuk memuat naik dokumen bukti aduan/ maklum balas. *Dokumen perlu berformat:-



*Saiz maksima dokumen yang dibenarkan adalah 10 MB

- 5 Tekan butang **HANTAR** setelah selesai mengisi kesemua maklumat.

Anda akan menerima **NOTIS TERIMA** bagi maklum balas beserta **ID TIKET: (SEL.XXXXX)** melalui **E-MEL** setelah maklum balas berjaya dihantar.

CARA MENYEMAK STATUS MAKLUM BALAS


- 1 Layari <https://selangor.spab.gov.my/>
- 2 Tekan butang **SEMAK MAKLUM BALAS**.
- 3 Masukkan **ID TIKET**, **JENIS PENGENALAN** dan **NO. PENGENALAN**. Tekan **SEMAK**.





MEKANISME SALURAN ADUAN APLIKASI ICLEAN SELANGOR

iClean Selangor membantu anda untuk melaporkan aduan berkenaan sampah secara langsung melalui telefon pintar anda.



Pendaftaran Mudah

Pendaftaran menjadi ahli baru adalah mudah dan pantas.



Lokasi Aduan

Setiap aduan akan mempunyai lokasi GPS untuk kami pastikan kesahihannya dengan lebih tepat.



Aduan Bergambar

Meningkatkan kesahihan geografi dengan menambah unsur-unsur imej ke atas peta.



Semakan Aduan

Anda boleh menyemak aduan anda melalui aplikasi mobile pada bila-bila masa. Status aduan akan dihantar sebagai notifikasi untuk makluman anda.



Lebih Cepak

Setiap Aduan yang kami terima akan dikategori secara automatik dan diutus kepada jabatan dan bahagian yang berkenaan dengan pantas. Aduan anda akan dapat kami segerakan tindakannya.



Maklum Balas Awal

Anda akan diberikan maklum balas sejurus selepas aduan anda diterima. Sebarang maklumat ke majuan akan dihantar kepada anda dengan kadar segera.

019-375 9592
019-375 3980

019-274 2824

iclean@kdebwm.com

1-800-88-2824

Muat-Turun Sekarang!



* Hanya Taip "iClean Selangor" di ruangan carian.

Daftar

1. Klik pada ikon 'PENGGUNA BARU'
2. Masukkan NAMA, NAMA PROFIL dan NOMBOR KAD PENGENALAN anda dan tekan 'Seterusnya'
3. Masukkan ALAMAT, NOMBOR TELEFON, NO FAKS, E-MEL dan pilih PIHAK BERKUASA TEMPATAN anda dan tekan 'Seterusnya'
4. ID PENGGUNA anda akan ditetapkan. Masukkan KATALALUAN dan sahkan KATALALUAN anda. Tekan 'Hantar'



ISSN 2682-8367



MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR,

Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan.

Telefon : +603 - 6064 1331 | Faks : +603 - 6064 3991 | Aduan: aduan@mdhs.gov.my

